



DR 2 TAHUN 2015
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN PEROLEHAN
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN
(FELDA)

(Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 2)

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>

- | | | |
|----|---|----|
| 1. | Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Pengurusan Perolehan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) | 1 |
| 2. | Rumusan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara | 12 |
| 3. | Agenda Mesyuarat | |
| | a. Bilangan 33/2014 pada Selasa 14 Oktober 2014 | 14 |
| 4. | Laporan Prosiding | |
| | a. Bilangan 33/2014 pada Selasa 14 Oktober 2014 | |
| 5. | Dokumen Pembentangan | |

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 untuk pembangunan tanah dan penempatan semula dengan objektif pembasmian kemiskinan melalui penanaman tanaman getah dan kemudiannya kelapa sawit. Antara fungsi FELDA adalah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tanah dan aktiviti pertanian, perindustrian dan komersial sosial ekonomi.
- 1.2 Bermula tahun 1990, FELDA tidak lagi membuka tanah untuk peneroka baru. Kerajaan telah memberi kepercayaan kepada FELDA untuk menjadi sebuah badan berkanun yang boleh menjana pendapatan sendiri dan mulai tahun 1994 Kerajaan tidak lagi menyalurkan apa-apa peruntukan kepada FELDA. Sebagai usaha menjana pendapatan, FELDA telah melancarkan beberapa entiti korporat swasta. Antara entiti yang terbesar adalah Koperasi Permodalan FELDA (Koperasi FELDA), FELDA Global Ventures (FGV) dan FELDA Investment Corporation (FIC).

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

- 2.1 Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah membincangkan isu mengenai kelemahan FELDA dalam pengurusan perolehan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2013, Siri 2. Selaras dengan mandat

yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- a. Memastikan perancangan perolehan agensi diurus dengan teratur;
- b. Tiada pembaziran berlaku dalam proses perolehan;
- c. Memastikan kepentingan agensi dilindungi melalui pengurusan kontrak yang baik dan teratur;
- d. Memastikan perolehan dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan; dan
- e. Mengenal pasti langkah penambahbaikan terhadap pelaksanaan perolehan pada masa hadapan.

3. SKOP DAN METODOLOGI

3.1 Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a. Menjemput Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, Jabatan Audit Negara bagi memberi penjelasan awal berhubung isu yang dibangkitkan;
- b. Memanggil pihak-pihak yang terlibat dalam Pengurusan Kewangan dan perolehan FELDA; dan
- c. Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir bersama.

4. HASIL PERBINCANGAN

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang dibangkitkan oleh Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, Jabatan Audit Negara kepada PAC. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan

iaitu dari FELDA yang diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Faizoull bin Ahmad (Pengarah Besar FELDA) dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

4.1 Pengenalan Mengenai Perolehan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

Pengauditan Prestasi telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara terhadap Pengurusan Perolehan di FELDA pada Disember 2012 sehingga Mac 2013 yang mana skop pengauditan adalah merangkumi tempoh dari tahun 2010 sehingga 2012. Peruntukan perolehan FELDA bagi tahun 2010 sehingga 2012 adalah berjumlah RM1.21 bilion dan perbelanjaan yang telah dilakukan adalah berjumlah RM974.50 juta atau 80.8% iaitu RM302.72 juta pada tahun 2010, RM193.90 juta pada tahun 2011 dan RM477.88 juta pada tahun 2012. Secara keseluruhannya pengurusan perolehan di FELDA adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan perolehan yang diwujudkan sendiri oleh FELDA.

4.2 Keterangan Oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

4.2.1 Perolehan Tanpa Kelulusan Jawatankuasa

Bagi tempoh 2010 sehingga 2012, sebanyak 160 perolehan bernilai RM3.60 juta untuk 3 jabatan di FELDA iaitu Jabatan Inovasi Dan Pembangunan Generasi Baru, Jabatan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Sumber Manusia telah dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender. Perolehan ini dibuat secara terus oleh jabatan yang terlibat dan diluluskan oleh Pengarah Jabatan tersebut. Daripada 160 perolehan, sebanyak

51 perolehan berjumlah RM1.66 juta dibuat secara terus dengan anak syarikat FELDA.

Ulasan FELDA:

Perolehan tanpa kelulusan jawatankuasa yang dilakukan oleh 3 jabatan tersebut adalah disebabkan proses transformasi dan perubahan carta organisasi yang mana pengarah dan kakitangan yang baru dilantik kurang memahami proses dan peraturan perolehan. Pengarah Kewangan FELDA memaklumkan bahawa Jawatankuasa Tatatertib telah dimaklumkan nama pegawai yang terlibat dan perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga.

Mengikut amalan FELDA, perolehan yang diberi kepada anak syarikat dan pengusaha FELDA tidak perlu melalui jawatankuasa selaras dengan komitmen FELDA untuk membantu anak syarikat dan pengusaha FELDA. Penawaran kerja perolehan secara rundingan terus kepada anak syarikat dan pengusaha FELDA telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga FELDA pada 21 Julai 2014.

Ulasan Wakil Perbendaharaan:

Wakil dari Perbendaharaan memaklumkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2011 menyatakan perolehan secara rundingan terus kepada anak syarikat adalah tidak dibenarkan. Bagaimanapun, penyertaan anak syarikat dalam perolehan syarikat induk adalah dibenarkan dengan syarat segala peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi.

4.2.2 Perolehan Yang DiPecah Kecil

- i. Program Sambutan Hari Peneroka 2011 di Jengka, Pahang berjumlah RM1.85 juta tidak dibuat melalui Jawatankuasa Tender Lembaga. Perolehan ini telah dipecah kecilkan kepada dua kontrak berasingan iaitu RM0.99 juta dan RM0.86 juta serta diluluskan oleh Jawatankuasa Tender 1 yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar FELDA. Sekiranya tidak diasingkan, perolehan ini hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Tender Lembaga yang dipengerusi oleh Pengerusi FELDA.
- ii. Pada tahun 2011, Kerja Hiasan Dalaman untuk Fasa 1 Menara FELDA berjumlah RM3.65 juta telah dipecahkan kepada 5 pakej berasingan dan ditawarkan kepada satu kontraktor dengan nombor kontrak yang berbeza. Juru perunding bagi kerja hiasan ini telah diarah oleh FELDA untuk menyediakan pecahan harga Fasa 1 kepada 5 pakej tanpa mengubah amaun akhir yang ditawarkan bagi memudahkan proses kelulusan. Perolehan ini juga hanya diluluskan oleh Jawatankuasa Tender 1 dan bukannya Jawatankuasa Tender Lembaga yang sepatutnya.

Ulasan FELDA:

- i. Pengarah Kewangan FELDA memaklumkan bahawa Sambutan Hari Peneroka merupakan acara tahunan dan menghadapi masa yang singkat untuk melakukan persediaan kerana perlu mendapatkan pengesahan tarikh dan tempat. Perolehan yang bernilai RM1.85 juta ini tidak dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) kerana semasa perancangan dijalankan JKK ini tidak bersidang dan hanya bersidang pada 25 Julai 2011.

Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit pada 29 April 2014 dan keputusannya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga. Pada 2 September 2014, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tatatertib memutuskan bahawa perkara ini tidak melibatkan penyalahgunaan kuasa dan peningkatan kos. FELDA juga mengambil maklum akan teguran Audit yang dibangkitkan.

- ii. Pengarah Kewangan memaklumkan bahawa kerja-kerja hiasan dalaman Fasa 1 yang bernilai RM3.65 juta terpaksa dipecahkan kepada 5 pakej disebabkan keperluan untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut sebelum Sambutan Hari Peneroka bagi tahun 2012 dan majlis perasmian Menara FELDA. FELDA juga mengambil maklum akan teguran Audit bagi perkara ini.

4.2.3 Kelemahan Dalam Pengurusan Kontrak

- i. Bagi tempoh 2010 sehingga 2012, sebanyak 56 perolehan berjumlah RM183.13 juta tidak disediakan dokumen kontrak. Sebanyak 53 daripada perolehan tersebut berjumlah RM165.65 juta telah dibayar dan 3 lagi perolehan berjumlah RM17.48 juta masih belum dibayar. Selain itu, sebanyak 23 perolehan berjumlah RM19.93 juta tidak mempunyai Surat Setuju Terima (SST) dan dibayar berdasarkan Pesanan Tempatan (PO) manakala 30 perolehan lagi yang telah dibayar berjumlah RM145.72 juta mempunyai SST dan PO.
- ii. Terdapat dua kontrak perolehan bernilai RM60.68 juta belum ditandatangani walaupun sudah melebihi tempoh 4 bulan daripada tarikh SST dikeluarkan dan daripada jumlah

tersebut sejumlah RM37.37 juta telah dibayar sehingga Mac 2014.

Ulasan FELDA:

- i. FELDA berpendapat dalam urusan kontrak adalah memadai hanya Surat Perintah Kerja (SPK) atau PO disediakan dengan syarat tandatangan bagi pihak FELDA dan kontraktor telah diturunkan. Perkara ini juga mendapat pengesahan dari Jabatan Undang-Undang FELDA. Amalan ini telah lama dilaksanakan oleh FELDA untuk menjimatkan kos guaman. Selain itu, FELDA juga telah mengeluarkan peringatan kepada semua jabatan supaya memastikan perolehan berkaitan mempunyai dokumen perjanjian yang lengkap. Pengarah Kewangan FELDA juga memaklumkan bahawa manual kontrak FELDA yang baru masih dalam proses penyediaan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga pada bulan September 2014.
- ii. Pengarah Kewangan FELDA memaklumkan bahawa kontrak bagi kerja hiasan dalaman Menara FELDA yang bernilai RM38.15 juta telah selesai ditandatangani oleh FELDA dan pihak kontraktor manakala kontrak yang bernilai RM22.53 juta belum lagi ditandatangani. Ini adalah atas cadangan peguam FELDA kerana terdapat percanggahan kontrak antara FELDA dan kontraktor. Perkara ini juga masih lagi dalam prosiding mahkamah. Pengarah Kewangan FELDA juga memaklumkan tarikh pendengaran seterusnya di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur adalah pada 9 Disember 2014.

Ulasan Wakil Perbendaharaan:

Wakil Perbendaharaan juga memaklumkan bahawa dalam perolehan Kerajaan, SST dan SPK tidak dikira sebagai dokumen kontrak kerana SST dan SPK hanya sebagai sebahagian daripada dokumen kontrak. Ini kerana pembayaran bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja tidak boleh dibuat selagi kontrak belum ditandatangani. Sekiranya terdapat pertikaian antara kedua-dua pihak, rujukan utama adalah dokumen kontrak. Wakil daripada Perbendaharaan juga berpendapat amalan FELDA ini tidak mematuhi standard yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan.

4.2.4 Kelemahan Dalam Melaksanakan Program Banci Warga Peneroka FELDA

Pada tahun 2011, FELDA telah melaksanakan Program Banci Warga Peneroka FELDA di mana sepatutnya FELDA melantik konsultan untuk tujuan penyelarasan dan pemantauan serta pembanci pula dilantik daripada kalangan pelajar Permuafakatan Siswa Siswi FELDA (PERSADA) dan ahli Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM). Pada Julai 2011 banci ini telah dilaksanakan tanpa lantikan konsultan dan tiada pemantauan serta seliaan yang dijalankan. Perkara ini menyebabkan borang banci tidak diisi dengan lengkap dan tidak dapat digunakan. Oleh yang demikian banci yang kedua perlu dijalankan. Pembaziran telah berlaku kerana pembayaran telah dibuat bagi bincian pertama sejumlah RM0.74 juta namun data tidak dapat digunakan. Selain itu, pembayaran sejumlah RM1.02 juta bagi bincian kedua juga telah dibuat setakat Mac 2013.

Ulasan FELDA:

Pengarah Kewangan FELDA memaklumkan bancian kedua dibuat kerana hasil bancian pertama masih terdapat banyak maklumat yang belum lengkap dan tidak tepat. FELDA memaklumkan konsultan tidak dilantik kerana FELDA merasakan PERSADA dan MBFM mampu menjalankan bancian tersebut. Pembayaran sebenar yang telah dibuat berjumlah RM1.80 juta daripada jumlah bajet asal sejumlah RM5 juta. Program Bancian Warga Peneroka FELDA telah selesai pada Mac 2014 dengan maklumat data bancian dimuat naik ke dalam sistem SKB. Selain itu, laporan bancian juga telah dikeluarkan.

5. RUMUSAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

5.1 Secara keseluruhannya, pihak PAC berpendapat pengurusan perolehan di FELDA adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan perolehan yang diwujudkan sendiri oleh FELDA. PAC memandang serius kegagalan dari mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh pengurusan FELDA dan wajar mengemaskini tatacara perolehannya. Namun, PAC mengalu-alukan langkah penambahbaikan yang akan diambil oleh FELDA dalam memperbaiki peraturan dalaman FELDA dan memastikan kelemahan ini tidak akan berulang. Kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

- i. FELDA telah melaksanakan perolehan tanpa melalui kelulusan jawatankuasa yang sepatutnya dan telah dibuat oleh pegawai yang tidak mempunyai kuasa. Selain itu, walaupun menjadi amalan FELDA untuk memberi perolehan kepada anak syarikat dan pengusaha FELDA namun FELDA

perlu memastikan peraturan semasa yang diguna pakai sentiasa dipatuhi.

- ii. Beberapa perolehan FELDA yang telah dipecah kecil adalah tidak memenuhi peraturan perolehan yang sedang berkuatkuasa. Ini boleh menyebabkan berlaku salah guna kuasa.
- iii. Terdapat kelemahan dalam pengurusan kontrak di FELDA di mana dokumen kontrak tidak disediakan dan ditandatangani sebagaimana ditetapkan dalam peraturan perolehan FELDA sendiri. Penggunaan SST dan SPK sahaja tidak mencukupi untuk menjamin dan melindungi kepentingan FELDA jika berlaku sebarang pertikaian.

6. SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

PAC mencadangkan FELDA mengambil tindakan penambahbaikan dalam menguruskan perolehannya seperti berikut:

- i. Memastikan perolehan yang dilakukan mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.
- ii. Membuat pembaharuan dan mengemas kini peraturan FELDA bagi menambah baik pengurusan kewangan FELDA pada masa depan.
- iii. Memastikan perolehan yang dilakukan mempunyai dokumen kontrak dan ditandatangani bagi memastikan kepentingan FELDA dilindungi.
- iv. FELDA sebagai badan induk hendaklah membuat pengawasan terhadap perolehan yang melibatkan anak syarikat dan garis panduan perlu disediakan.

- v. Tindakan tata tertib perlu diambil terhadap pegawai yang terlibat dengan ketidakpatuhan peraturan dalaman FELDA bagi memastikan ketidakpatuhan tersebut tidak berulang.
- vi. PAC memandang berat mengenai kelemahan peranan Audit Dalam di FELDA. Dalam kes ini, PAC mengesyorkan supaya Jawatankuasa Audit dapat membuat pemantauan kepada semua perolehan dan urus tadbir korporat yang dilaksanakan di FELDA.

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
Parlimen Ketiga Belas**

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARA	RUMUSAN
5.1	<p>Secara keseluruhannya, pihak PAC berpendapat pengurusan perolehan di FELDA adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi peraturan perolehan yang diwujudkan sendiri oleh FELDA. PAC memandang serius kegagalan dari mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh pengurusan FELDA dan wajar mengemaskini tatacara perolehannya. Namun, PAC mengalu-alukan langkah penambahbaikan yang akan diambil oleh FELDA dalam memperbaiki peraturan dalaman FELDA dan memastikan kelemahan ini tidak akan berulang. Kelemahan tersebut adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. FELDA telah melaksanakan perolehan tanpa melalui kelulusan jawatankuasa yang sepatutnya dan telah dibuat oleh pegawai yang tidak mempunyai kuasa. Selain itu, walaupun menjadi amalan FELDA untuk memberi perolehan kepada anak syarikat dan pengusaha FELDA namun FELDA perlu memastikan peraturan semasa yang diguna pakai sentiasa dipatuhi. ii. Beberapa perolehan FELDA yang telah dipecah kecil adalah tidak memenuhi peraturan perolehan yang sedang berkuatkuasa. Ini boleh menyebabkan berlaku salah guna kuasa. iii. Terdapat kelemahan dalam pengurusan kontrak di FELDA di mana dokumen kontrak tidak disediakan dan ditandatangani sebagaimana ditetapkan dalam peraturan perolehan FELDA sendiri. Penggunaan SST dan SPK sahaja tidak mencukupi untuk menjamin dan melindungi kepentingan FELDA jika berlaku sebarang pertikaian.

PARA	SYOR
6.1	<p>PAC mencadangkan FELDA mengambil tindakan penambahbaikan dalam menguruskan perolehannya seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan perolehan yang dilakukan mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.
ii.	Membuat pembaharuan dan mengemas kini peraturan FELDA bagi menambah baik pengurusan kewangan FELDA pada masa depan.
iii.	Memastikan perolehan yang dilakukan mempunyai dokumen kontrak dan ditandatangani bagi memastikan kepentingan FELDA dilindungi.
iv.	FELDA sebagai badan induk hendaklah membuat pengawasan terhadap perolehan yang melibatkan anak syarikat dan garis panduan perlu disediakan.
v.	Tindakan tatatertib perlu diambil terhadap pegawai yang terlibat dengan ketidakpatuhan peraturan dalaman FELDA bagi memastikan ketidakpatuhan tersebut tidak berulang.
vi.	PAC memandang berat mengenai kelemahan peranan Audit Dalam di FELDA. Dalam kes ini, PAC mengesyorkan supaya Jawatankuasa Audit dapat membuat pemantauan kepada semua perolehan dan urus tadbir korporat yang dilaksanakan di FELDA.

AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Mesyuarat PAC Bil 34/2014 Pada Khamis 16 Oktober 2014

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 34/2014 PADA KHAMIS 16 OKTOBER 2014
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
16 Oktober 2014 (Khamis)		
11.00 pagi	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 – Pengurusan Perolehan	1. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

LAPORAN PROSIDING

- Mesyuarat PAC Bil 34/2014 Pada Khamis 16 Oktober 2014

Bil. 34

Khamis
16 Oktober 2014



LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Pengurusan Perolehan - Laporan Ketua Audit Negara
Tahun 2013 Siri 2**

- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA
KHAMIS, 16 OKTOBER 2014**

AHLLI-AHLLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah

- *Pengerusi*
- *Timbalan Pengerusi*

- *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Fauzi bin Mustafa [Pegawai Penyelidik]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Puan Ong Swee Leng [Pengarah (Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan)]
Encik Toha bin Sharif [Timbalan Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan) Kewangan]
Cik Norni @ Lina Mohamed [Ketua Penolong Pengarah (Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan)
Kewangan 4]
Cik Nurul Hidayah binti Ismail Mohamed [Juruaudit (Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan)
Kewangan 4]
Puan Imelia Mawar Abdul Karim [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan)
Kewangan 4]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)

Kementerian Kewangan

Puan Faridah Nor binti Mohd Yasin [Ketua Penolong Setiausaha (Parlimen dan Kabinet) 2]
Encik Shahrul Kamal bin Osman [Ketua Seksyen Bahagian Perolehan Kerajaan]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir [TPBK(K)A]

Unit Perancang Ekonomi

Puan Che Wah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah]

SAKSI

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

YBhg. Datuk Haji Faizoull bin Ahmad [Pengarah Besar FELDA]
Tuan Haji Ab. Ghani bin Mohd Ali [Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti)]
Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali [Pengarah Kewangan]
Puan Norfazlin binti Idris [Akauntan]
Puan Faraelliza Escandar binti Shamsudin [Ketua Unit Pengurusan Risiko dan Integriti]
Encik Mohd Nuri Al Amin Mohamad [Pegawai Khas Pengarah Besar FELDA]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA****PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Khamis, 16 Oktober 2014****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.28 pagi****[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Pengerusi: Selamat pagi dan saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC, wakil-wakil daripada kementerian dan juga Puan Ong daripada Jabatan Audit Negara serta pasukannya. Pada pagi ini tujuan kita mengadakan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan mengenai masalah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2013, Siri 2. Isu yang timbul adalah isu dari segi pengurusan perolehan.

Jadi kalau tidak ada apa-apa ini lagi saya rasa elok kalau Jabatan Audit Negara berikan sikit *background* kepada kita.

Puan Ong Swee Leng [Pengarah (Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan) Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC dan wakil-wakil dari kementerian dan jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Jabatan Audit Negara telah pun menjalankan pengauditan terhadap pengurusan perolehan FELDA antara bulan Disember 2012 hingga Mac 2013 dan antara objektif adalah untuk menentukan atau menilai sama ada pengurusan perolehan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan. Terdapat beberapa isu yang kita hendak bentangkan di sini berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan.

[Merujuk slaid] Ini adalah antara *board* dengan KP yang lepas. Ini adalah carta organisasi. Pengauditan yang dijalankan kita macam biasa ke atas FELDA. Kita menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan, pengurusan kewangan indeks akauntabiliti dan pengauditan prestasi dalam Laporan Audit 2013, Siri 2, Perolehan.

Next. Penyata Kewangan. Sijil yang dikeluarkan adalah Sijil Tanpa Teguran bagi tahun 2009 hingga 2013. AI adalah *cyclical* maknanya tiga tahun sekali kita buat dan tahun 2009 dapat tiga bintang dan pada tahun 2012, dua bintang. Pengauditan yang seterusnya akan dijalankan pada tahun 2015. Ini adalah prestasi berkaitan dengan pengurusan perolehan.

Objektif dengan skop. Prestasi kewangan bagi FELDA terhadap perolehan, kita nampak pada tahun 2010, 2011 dan 2012 ikut skop. Jumlah yang diperuntukkan RM1.2 billion dan dibelanjakan RM0.74 million. Secara keseluruhan pengurusan perolehan di FELDA adalah kurang memuaskan dan ini adalah disebabkan empat isu yang kita hendak *highlight*. Sebab ada isu-isu lain di mana kita sudah selesai dengan FELDA. Apa yang hendak diketengahkan di PAC ini adalah berkaitan dengan perolehan tanpa kelulusan jawatankuasa, perolehan yang di pecah kecil, kelemahan dalam pengurusan kontrak dan kelemahan dalam melaksanakan program bantuan warga peneroka FELDA.

Saya pergi satu persatu iaitu *number one*, isu berkaitan dengan perolehan tanpa kelulusan Jawatankuasa. FELDA telah mengadakan sendiri SOP iaitu peraturan urusan kontrak dan bekalan FELDA yang dikeluarkan bagi tahun 2006 dengan pindahan 2012. Di mana sebanyak lima jawatankuasa telah pun ditubuhkan mengikut had yang ditetapkan iaitu Jawatankuasa Tender Lembaga FELDA yang dipengerusikan oleh Pengurus FELDA, Jawatankuasa Tender yang dipengerusikan oleh Pengarah Besar FELDA, Jawatankuasa Tender Jabatan yang dipengerusikan oleh Pengarah Pentadbiran, Jawatankuasa Tender Wilayah yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar Wilayah, Jawatankuasa Tender Rancangan yang dipengerusikan oleh Pengurus Rancangan.

Pada semakan audit kita dapat bahawa sebanyak 160 perolehan bernilai RM3.6 million bagi tiga Jabatan telah dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender...

Tuan Pengerusi: Ini bukan *sample* ya, yang ini memang *full audit*.

Puan Ong Swee Leng: *Sample*.

Tuan Pengerusi: Ini *sample* sahaja.

Puan Ong Swee Leng: *Sample*.

Tuan Pengerusi: Oh, okey.

Puan Ong Swee Leng: Yes. *Sample* sahaja yang kita pilih. Perolehan yang dibuat adalah secara terus oleh jabatan berkenaan di mana diluluskan oleh pengarah jabatan sendiri. Yang ini adalah jabatan yang terlibat iaitu Jabatan Inovasi, Pembangunan Usahawan dengan Sumber Manusia. Isu kedua ini adalah maklum balas daripada FELDA di mana dia kata adalah mendapat persetujuan daripada pengurusan tertinggilah. *Maybe we can hear that after we call them on.*

Tuan Pengerusi: Itu dia beli apa ya? Dia beli perkhidmatankah dia beli barang.

Puan Ong Swee Leng: Ada kerja dan ada yang perkhidmatan. Bermacam-macam bekalan itu.

Pecah kecil. Dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan 5/2009 mengatakan agensi dilarang untuk memecah kecil perolehan dan juga dalam Peraturan Urusan Kontrak dan Bekalan FELDA sendiri pun menyatakan bahawa perolehan yang melebihi RM1 juta hendaklah diluluskan oleh

Jawatankuasa Tender Lembaga. Dalam kes ini kita dapat bahawa perolehan sempena Sambutan Hari Peneroka 2011 di Pahang berjumlah RM1.85 juta tidak dibuat melalui Jawatankuasa Tender Lembaga. Perolehan ini di pecah kecilkan kepada dua kontrak berasingan iaitu RM0.99 juta dan RM0.86 juta dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tender 1 yang di pengerusi oleh Pengurus Besar FELDA.

Kalau tidak di pecah kecil dia sepatutnya diluluskan oleh Jawatankuasa Tender Lembaga yang di pengerusi oleh Pengurus FELDA sendirilah. So yang...

Tuan Pengerusi: Sekejap. Jawatankuasa Tender FELDA boleh dipengerusikan oleh Pengerusi FELDA sendiri?

Puan Ong Swee Leng: Yes. Jawatankuasa FELDA, *the main board*.

Tuan Pengerusi: *The main board* lah, bukan...

Puan Ong Swee Leng: *More than RM1 million.*

Tuan Pengerusi: *More than RM1 million is main board.*

Puan Ong Swee Leng: Yes *main board*.

Tuan Pengerusi: *Tender board?*

Puan Ong Swee Leng: *Tender board* yang di pengerusi oleh pengurus besar is *between RM200,000 to RM1 million.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Puan Ong Swee Leng: Untuk kontrak yang kedua berkaitan dengan kerja hiasan dalaman untuk fasa 1 Menara FELDA berjumlah RM3.65 *million* melalui lima pakej yang berasingan. Kita dapat bahawa pakej ini telah ditawarkan kepada satu kontraktor dengan nombor kontrak yang berbeza. Juru perunding bagi kerja hiasan ini telah diarah oleh FELDA untuk menyediakan pecahan harga mengikut fasa 1 pada lima pakej tanpa mengubah amaun akhir yang ditawarkan. Ini adalah untuk memudahkan proses kelulusan. Perolehan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Tender 1 yang dipengerusikan oleh pengurus besar seperti jadual berikut... [*Merujuk jadual di paparan slaid*] Ini adalah pecahan kepada lima pakej.

Isu yang ketiga adalah berkaitan dengan kelemahan dalam pengurusan kontrak. Di mana dalam semakan audit kita dapat bahawa 56 perolehan berjumlah RM183.13 juta telah dapat dokumen kontrak tidak disediakan. Sebanyak 53 daripada perolehan tersebut berjumlah RM165.65 juta telah dibayar tanpa perjanjian. Tiga berjumlah RM17.48 juta masih belum dibayar. Sebanyak 23 berjumlah RM19.93 juta tidak mempunyai SST atau Surat Setuju Terima dan dibayar berdasarkan pesanan tempatan (LO).

Manakala 30 perolehan berjumlah RM145.72 juta dibayar mempunyai SST dan LO.

Tuan Pengerusi: Ini semua tender ya, tidak ada rundingan terus?

Puan Ong Swee Leng: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Semua tender. Tender tertutupkah atau tender terbuka?

Puan Ong Swee Leng: Ada yang tertutup ada yang- afterlah. *Not rundingan, closed-restricted.*

Tuan Pengerusi: *Restricted tenderlah.*

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ada barang dibekalkan? *Are the goods deliver, anything wrong with the pricing?*

Puan Ong Swee Leng: *We haven't gone to the extent of whether the goods have been delivered or not. Because their all over the place. So we didn't do on that checking verification. So this is more of the compliance audit on their SOP concern.*

Isu yang ketiga juga berkaitan dengan pengurusan kontrak di mana kontrak belum ditandatangani. Di mana kita dapat dua kontrak perolehan bernilai RM60.60 juta belum ditandatangani walaupun sudah melebihi tempoh empat bulan dari tarikh SST dikeluarkan dan sejumlah RM37.37 juta telah dibayar sehingga Mac 2014.

■1140

Next, maklum balas, isu *number four*. Isu *number four* adalah berkaitan dengan kelemahan melaksanakan program banci warga peneroka FELDA. Kita nampak bahawa pada tahun 2011, FELDA telah pun melaksanakan satu program banci warga peneroka FELDA di mana FELDA sepatutnya melantik konsultan dan pembanci adalah di kalangan pelajar, siswa-siswi FELDA dan majlis Belia FELDA. Banci ini telah dilaksanakan pada bulan Julai 2011 tanpa lantikan konsultan. Banci ini dijalankan tanpa pemantauan dan seliaan. Ini menyebabkan borang banci tidak diisi dengan lengkap dan data banci tidak boleh digunakan. Oleh yang demikian, banci yang kedua perlu dijalankan.

Untuk banci yang pertama sejumlah RM0.74 juta telah pun dibayar tanpa dokumen sokongan. Banci yang kedua telah dijalankan pada Oktober 2012 dan jumlah RM1.02 juta telah pun dibelanjakan setakat Mac 2013. Banci yang kita dapat dijangka siap pada Disember 2012 masa laporan audit, kita tidak dapat maklum setakat mana angka-angka banci ini diguna pakai oleh FELDA.

Tuan Pengerusi: Jadi sekarang isu ini Jabatan Audit mengatakan bahawa pembaziran berlakulah.

Puan Ong Swee Leng: Yes.

Tuan Pengerusi: Okey, alright. Dia buat banci tapi tidak digunakan dan bayarlah.

Puan Ong Swee Leng: Ya. So, terdapat *value for money*. Itulah di antara isu-isu yang kita ketengahkan dalam Laporan Audit Siri 2. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ini hendak tanya sikit tadi perolehan yang sebelum ini isu sebelum ini yang perolehan tanpa kontrak dan sebagainya, apa dia punya contoh perolehan yang dia buat itu. Oleh sebab saya tengok jumlah dia RM100 juta lebih juga itu. Adakah kontrak beli baja atau kontrak...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Buka *mic*, buka *mic*.

Puan Ong Swee Leng: Sorry?

Tuan Pengerusi: Buka *mic*.

Puan Ong Swee Leng: Senarai perolehan tanpa dokumen kontrak antaranya adalah berkaitan dengan kerja-kerja *mapping digital* menggunakan teknologi GPS. *Delivery of 2,680 heads of like animals, ram, sheep* untuk agropolitan projek di pekan, kursus kemahiran, membekal pasang uji sistem jadual pembayaran balik untuk peneroka, pelantikan teknologi muda asahan kontraktor untuk menjalankan latihan. *So, these are sums of the contracts.*

Tuan Pengerusi: These are samples?

Puan Ong Swee Leng: Ya, samples.

Tuan Pengerusi: Samples ya. Not a full audit ya? Would the Jabatan Audit Negara do full audit?... [Disampuk] [Ketawa] Tidak, siapa yang audit? Oleh sebab FELDA dia tidak ada auditor luar bukan. Dia Jabatan Audit Negara, kan?

Puan Ong Swee Leng: Jabatan Audit yang menjalankan pengauditan tapi kita *outsource* kepada Pricewaterhouse.

Tuan Pengerusi: Oh, lepas itu Pricewaterhouse tidak pickup benda ini?

Puan Ong Swee Leng: Pricewaterhouse also, when they do their financial audit, there are some misrepresentation, misstatements in accounts where adjustment need to be done.

Tuan Pengerusi: No.

Puan Ong Swee Leng: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: No, because I am very worried based on just the samples, 56 samples you already unearth RM180 million worth of incomplete documentation dan sebagainya. I mean they must have purchase 10,000 every year.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: The PwC report for the PAC.

Puan Ong Swee Leng: Lepas itu Setiausaha...

Tuan Pengerusi: You never do a full auditlah?

Puan Ong Swee Leng: For all the audits we never do full, only sampling.

Tuan Pengerusi: I know, I know. But say you find something like this...

Puan Ong Swee Leng: *We extended our audit anyway, we did not do the full audit in that sense. We extended our samples. When we pickup 30 samples, we find there is weakness so we extended it maybe to another 30. That's it.*

Tuan Pengerusi: *How we find out any perpetrators or not because some of this may just be more than negligence but they are the full auditors. I mean you outsource to Pricewaterhouse, kan?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *The accounts audit right.*

Puan Ong Swee Leng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Out source. Financial statement audit.*

Tuan Pengerusi: *So, FELDA ada internal audit?*

Puan Ong Swee Leng: *...FELDA yes, they have their internal audit.*

Tuan Pengerusi: *Is the internal audit functioning or not?... [Ketawa]*

Puan Ong Swee Leng: *Internal audit functioning or not.*

Tuan Pengerusi: *No, because this is the important point. I want to focus on the issue because...*

Puan Ong Swee Leng: *Off the record.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: *They did what?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Ya.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri.]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *The next thing we call him.*

Tuan Pengerusi: *I just want to pin point the issue here.*

Dr. Tan Seng Giaw: *Call him...*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri.]

■1150

Puan Ong Swee Leng: *SOP badan berkanun have their own SOP. Tidak tertakluk kepada kerajaan.*

Tuan Pengerusi: *Akan tetapi mereka ini internal SOP.*

Puan Ong Swee Leng: *Ya.*

Tuan Pengerusi: *So, bila you letak you punya internal SOP, you kena ikut lah.*

Dr. Tan Seng Giaw: *Jadi Tuan Pengerusi, bolehkah EPU terangkan di jabatan-jabatan termasuklah universiti, saya nampak kadangkala itu jumlah yang kecil hendak beli satu alat pun dia kena panggil tender dan proses SOP itu panjang dan sebagainya. berapakah tahap atau prosiding sebelum...*

Encik Shahrul Kamal bin Osman [Ketua Seksyen Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan]: Okey Tuan Pengerusi, untuk makluman berdasarkan kepada peraturan perolehan kerajaan yang dikeluarkan oleh kementerian kewangan dari semasa ke semasa had nilai yang kita tetapkan ialah sehingga RM20,000 dan satu kontrak atau pun satu item itu dalam setahun boleh dibuat secara pembelian terus. Jumlah wang sebanyak RM20,000 hingga RM50,000 sebut harga dengan tawaran daripada tiga pembekal. Jumlah wang sebanyak RM50,000 ke RM500,000 dibuat sebut harga di kalangan lima pembekal. Lebih RM500,000, tender.

Apa yang dimaklumkan tadi di sini, yang itu adalah peraturan yang diguna pakai oleh kementerian dan juga jabatan *is military* had nilai dia. Bagi badan berkanun dan juga syarikat kerajaan, ia ditubuhkan di bawah akta tubuh masing-masing. Macam contohnya FELDA, ia ada akta tubuh masing-masing dan dalam akta tubuh itu disebutkan ia kena wujudkan SOP untuk pelaburankah, kewangankah, pelupusan, ia ada di situ.

Bila tadi ada soalan Yang Berhormat maklumkan, kenapa rendah sangat? Itu bergantung kepada SOP yang dikeluarkan oleh FELDA sendiri sebab di sini diluluskan pada tahun 2006, pindaan tahun 2012. Itu lah had nilai yang telah dibuat. Maknanya organisasi itu perlu patuhi apa peraturan yang telah ditetapkan. Itu saya punya komen Tuan Pengerusi.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Shahrul Kamal bin Osman: Peraturan yang berkaitan dengan perolehan kajian, kita keluarkan sekali..

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Shahrul Kamal bin Osman: Bagi badan berkanun, ia ditubuhkan berdasarkan akta tubuh masing-masing. Dalam akta tubuh itu dijelaskan kena ada SOP untuk perolehan, kewangan, segala-galanya, pelaburan kah apa benda ia ada di situ dan diluluskan oleh BOD masing-masing. Jadi yang ini peraturan ini telah diluluskan oleh BOD, pindaan tahun 2012, jadi terpakai lah untuk FELDA. Jadi kita tidak boleh hendak compare kementerian kenapa ada RM20,000, kenapa dekat sini...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Yang ini *supposedly whatever* peraturan yang ada...
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Shahrul Kamal bin Osman: Ya, sebab dia luluskan, SOP nya begitu. Dia kena ubah kena bawa ke BOD balik.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Okey, kalau tidak ada apa-apa soalan tambahan lagi, boleh kita panggil pengurusan FELDA untuk masuk.

■1200

[*Saksi-saksi dari Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

Tuan Pengerusi: Okey, boleh kita mula? Yang saya hormati Datuk Haji Faizoull bin Ahmad, Pengarah Besar FELDA; Tuan Haji Abd Ghani bin Mohd Ali, Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA; Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali, Pengarah Kewangan; wakil-wakil dari FELDA, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pada pagi ini Datuk, kita memanggil Datuk ini untuk hendak memberi penjelasan mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2013 Siri 2. Isu-isu yang dibangkitkan ini memerlukan penjelasan, dan saya rasa elok juga Datuk nanti berikan penjelasan tersebut untuk mencerahkan kepada pihak PAClah mengenai keadaan sebenarnya.

Sebelum itu saya hendak ucapkan terima kasih kerana sudi datang ke Mesyuarat PAC kita pada pagi ini. Saya tidak tahu Datuk sudah biasa datang PAC belum, kan? Akan tetapi kalau tidak biasa, ia punya peraturan senang sahaja. Masa beri penjelasan nanti, kalau ada apa-apa hendak direkodkan *on mic*. Kalau ada perkara yang mungkin hendak dibincangkan secara *off the record- off mic*, itu sahaja. Pasal semua perkara yang disebut menggunakan *mic* akan direkod dalam *Hansard* kita nanti ya. Jadi kalau ada hal-hal sensitif apa semua itu, hendak cakap tutup *mic* lah. [*Ketawa*] Jadi, selain daripada itu cara kita juga adalah untuk- selepas itu saya akan menjemput Datuk untuk memberikan taklimat.

Selepas itu kita akan buka kepada Ahli-ahli PAC untuk bertanyakan soalanlah, ya? Itu cara kita. Jadi sebelum itu saya minta Datuk kalau boleh memperkenalkan sekali lagi pasukan Datuk. Selepas itu meneruskan dengan taklimat mengenai isu ini. Terima kasih.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad [Pengarah Besar FELDA]: Terima kasih Tuan Pengerusi, semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Terlebih dahulu saya, seperti mana yang telah dinyatakan oleh Tuan Pengerusi tadi, memang kehadiran kita ini adalah pertama kali untuk membentangkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Audit Negara. Untuk perjalanan seterusnya, saya minta Pengarah Kewangan yang saya bawa bersama untuk menerangkan semua yang telah kita jawab di *hardcopy* yang kita edarkan untuk pengetahuan semualah ya. Silakan Encik Shahrin.

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali [Pengarah Kewangan FELDA]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang berbahagia Datuk, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Untuk pembentangan ini saya bentangkan berdasarkan lampiran dan slaid yang ditunjukkan di layar. Untuk memudahkan perbincangan yang kita adakan, kita pergi kepada slaid pertama iaitu kronologi peristiwa. Saya rasa untuk memaklumkan berkaitan dengan isu audit ini.

Di peringkat FELDA kita mengambil positif berkaitan dengan audit yang telah dilaksanakan. Berdasarkan pengalaman, saya rasa FELDA selama ini- setiap tahun kita di audit terutama di kewangan dan sebagainya. *Alhamdulillah* kita tidak pernah duduk di kerusi PAC. Ini *first time*. Kita mengambil positif berkaitan dengan isu yang dibangkitkan.

Untuk dimaklumkan seperti kronologi yang pertama ditunjukkan di sini... *[Merujuk kepada paparan slaid]* Audit ini dilaksanakan pada Disember 2012 sehingga Februari 2013. Pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah untuk transaksi tahun 2010 sehingga tahun 2012. Kalau kita lihat di sini, berdasarkan organisasi FELDA selama ini, berdasarkan audit kewangan dan sebagainya, kita rasa kita tidak ada masalah dari segi akaun dan sebagainya. Kita setiap tahun mendapat penyesuaian audit. Ini adalah audit yang kita panggil Audit Khas yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara dan tertumpu kepada Jabatan Pentadbiran berkaitan dengan kontrak dan sebagainya.

Berdasarkan pengurusan, saya rasa pihak Yang Berbahagia Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum berkaitan dengan pengurusan FELDA, juga ada beberapa perubahan dan sebagainya. Datuk Haji Faizoull sekarang ini pun kalau ikut pada tahun memegang jawatan tahun 2010 dan 2012 adalah tempoh perubahan daripada organisasi ataupun Pengarah Besar yang lama kepada yang baru sebagai maklumat. Akan tetapi of course kita mengambil maklum dan kita mengambil positif berkaitan dengan isu yang dibangkitkan dan selepas siri perbincangan juga kita dapati tidak timbul isu-isu penyelewengan, tidak ada timbul berkaitan dengan kos yang mana melibatkan kos yang tinggi dan sebagainya. Ia lebih kepada isu teknikal ataupun prosedur.

■1210

So saya teruskan perbincangan ini yang mana kalau kita lihat selepas daripada pengauditan ini pada Disember hingga Februari 2013, pada 24 Disember 2013 laporan audit telah dikeluarkan dan timbul sebanyak sembilan isu utama dan selepas itu pada 13 Februari perbincangan diadakan antara pengurusan dan Jabatan Audit Negara dan ada beberapa isu yang telah diselesaikan dan hanya tinggal enam isu sahaja. Seterusnya pada 25 April, Pengarah Besar juga telah berjumpa dengan Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya pada 4 Jun, kita ada perbincangan sekali dengan JPM.

Pada 21 Julai, mesyuarat Lembaga FELDA, kita ambil maklum ada beberapa perkara *internal control* yang perlu diperbaiki dan kita bawa kepada Lembaga FELDA iaitu jawatankuasa yang tertinggi di FELDA iaitu berkaitan dengan penawaran tender secara rundingan terus kepada anak syarikat.

Sama ada beberapa perkara yang melibatkan rundingan terus yang mana menjadi isu. Sedia maklum biasanya untuk anak syarikat ini kita dapatkan kelulusan Lembaga bahawa untuk membantu anak syarikat Kumpulan FELDA. So, kita telah maklum kepada *board* dan telah dipersetujui.

Pada 25 Julai 2014, Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan surat kepada Pengerusi FELDA untuk memaklumkan supaya mempertimbangkan dan melaksanakan urusan tata tertib kepada pegawai yang terlibat dalam Audit Negara. So, maksudnya di sini dari segi urus tadbirnya kita telah laksanakan. Surat kepada Pengerusi FELDA untuk mempertimbangkan urusan tata tertib terhadap pegawai-pegawai yang terlibat yang melibatkan dari segi *procedural* berkaitan dengan had kuasa dan sebagainya. Berdasarkan isu-isu audit tersebut juga, kita telah laksanakan hubungan terus dengan Jabatan Audit Negara yang mana kalau kita lihat *dashboard* dalam bentuk website telah diadakan di Jabatan Audit Negara, kita maklumkan status terkini kepada Jabatan Audit Negara, so maklum balas kita telah berikan kepada Jabatan Audit Negara.

Pada 2 September, penentuan kes kepada pegawai terlibat. Ini adalah tindakan selepas daripada mesyuarat tadi dan kita telah adakan pada 4 September 2014, satu mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tata tertib yang mana telah dicadangkan dan kita telah adakan mesyuarat tersebut. Pada 24 September 2014, Draf Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tata tertib dan surat pertuduhan telah dikemukakan kepada pejabat pengerusi untuk kelulusan. So kita telah laksanakan, cumanya dimaklumkan bahawa Pengerusi FELDA, Tan Sri Isa telah menunaikan ibadah haji yang kalau kita lihat di sini tempohnya menyebabkan kita tidak ada Mesyuarat Lembaga pada bulan September, dan kita akan mengadakan Mesyuarat Lembaga pada hari Isnin dan kita akan bawa- kalau ikut 16 Oktober adalah hari ini yang kita berbincang.

Ada beberapa perkara yang kita akan bawa kepada Mesyuarat Lembaga termasuklah tindakan tata tertib yang kita akan masukkan pada hari Isnin. Begitu juga manual kontrak yang baru. Berdasarkan perbincangan dan pembaikan yang kita buat, kita ambil positif pandangan yang diberikan oleh Audit, dan kita masukkan dalam satu prosedur yang baru dan telah disiapkan. Kita ada bawa satu contoh bukunya, yang mana kita akan bentangkan kepada Lembaga pada hari Isnin untuk memastikan tidak ada kekeliruan.

Itu secara umumnya kronologi Tuan Pengerusi. Untuk memudahkan memahami apa yang dimaksudkan dengan enam isu yang telah diambil kira di sini. Saya letakkan *snapshot* website ataupun yang kita sebut tadi tindakan yang kita ambil untuk menyelesaikan isu-isu ini. Saya ambil *snapshot* pada 29 April dan 14 Ogos, dua status yang kita bersama-sama dengan Jabatan Audit Negara bagi memastikan semua perkara ini bertukar menjadi hijau.

Kalau ikutkan itu maksudnya telah diselesaikan. Daripada enam isu yang terlibat, saya rumuskan di sini pada 29 April awalnya ada satu merah dan ada lima berwarna kuning.

Status terkini 14 Ogos tidak ada lagi merah dan satu berwarna hijau, yang kuning ini pun saya rasa dalam sedang bertukar warna ke warna hijau *insya-Allah* kalau ini dapat kita sama-sama perhalusi.

Tuan Pengerusi, sama ada kita hendak pergi *detail* kepada satu persatu, mungkin saya pergi secara agak lajulah, boleh? Seterusnya *next slide*. Saya bentangkan di sini apa yang telah kita bawa bentangkan kepada Jabatan Audit Negara berdasarkan apa yang masuk dalam *website* dan telah dikemas kini. Ia ada dua kali kemas kini, so maksudnya setiap *slide* ini saya akan tunjukkan kemas kini pada 29 April dan kemas kini pada 14 Ogos dan yang ketiga adalah status terkini sehingga hari ini.

Untuk isu pertama ialah berkaitan dengan sebanyak 160 perolehan yang bernilai RM3.6 juta yang dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender. Perolehan ini telah dibuat secara terus oleh jabatan yang terlibat dan diluluskan oleh pengarah jabatan tersebut. Status yang kita hantar kepada Jabatan Audit Negara pada 29 April, kita masukkan di sini berdasarkan isu 160 tadi adalah Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru, Jabatan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Sumber Manusia telah melaksanakan urusan perolehan tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender yang telah ditubuhkan disebabkan jawatankuasa tersebut dalam proses transformasi dan perubahan carta organisasi serta pengarah dan kakitangan baru yang dilantik kurang memahami proses dan peraturan perolehan. Ini berdasarkan pada tahun tersebut Tuan Pengerusi. Adalah menjadi amalan FELDA...

Tuan Pengerusi: Siapakah pengarah tahun itu?

Encik Mohd Shahrin Mohd Ali: Pengarah Besar pada tahun ini ialah Dato' Dzulkifli...

Tuan Pengerusi: Dato' Dzulkifli.

Encik Mohd Shahrin Mohd Ali: ...Pada masa tersebut.

Tuan Pengerusi: Yang ini HQ lah?

Encik Mohd Shahrin Mohd Ali: Ya, di ibu pejabat.

Tuan Pengerusi: HQ tetapi yang di Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru ini...

Encik Mohd Shahrin Mohd Ali: Ada beberapa pengarah yang sudah bersara.

Tuan Pengerusi: Siapa nama mereka?

Encik Mohd Shahrin Mohd Ali: Contohnya Puan Rohana masih bertugas tetapi dia sudah bertukar jabatan, contohnya.

Tuan Pengerusi: Siapa, jabatan itu di mana?

Encik Mohd Shahrin Mohd Ali: Di jabatan pentadbiran yang terlibat berkaitan dengan isu...

Tuan Pengerusi: Yang Jabatan inovasi ini?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya sendiri baru dilantik sebagai pengarah yang baru di jabatan baru yang baru dibuka. Jadi ramailah petugas-petugas baru yang tidak berapa mahir dengan proses cara mengendalikan tugas di jabatan.

Tuan Pengerusi: Saya tanya bukan pasal apa, kita kena tahu nama pada tiap-tiap jabatan itu. Jadi sekarang ini Datuk kata pada ketika itu menjadi Pengarah Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru ini, okey. Yang Jabatan Pembangunan Usahawan?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Puan Norhayati Sarif sudah bersara.

Tuan Pengerusi: Jabatan Sumber Manusia?

Datuk Haji Falzoull bin Ahmad: Sumber manusia, Encik Abdul Karim Ahmad sudah bersara.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Datuk.

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Saya rasa untuk jawatankuasa yang ditubuhkan untuk tatatertib dan sebagainya, saya rasa nama-nama pegawai dan sebagainya telah dimaklumkan dan dibincangkan berkaitan dengan Jawatankuasa Tatatertib tadi. Adalah menjadi amalan FELDA bagi jawapan tadi bagi bayaran yang melibatkan anak syarikat dan pengusaha FELDA iaitu peneroka, perolehan tidak dibuat melalui jawatankuasa selaras dengan komitmen FELDA untuk membantu semua anak syarikat dan penguasa FELDA. Ini adalah polisi FELDA. FELDA juga dalam proses menyelesaikan proses penstrukturkan semula anak syarikat dan pengusaha FELDA. Kertas cadangan juga untuk melaksanakan kerja perolehan secara runding terus akan dibentangkan kepada Mesyuarat Lembaga dan pekeliling akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan lembaga berkenaan penstrukturkan semula. Ini yang kita akan bentang atau luluskan pada hari Isnin, *insya-Allah*.

Update yang kita buat pada 14 Ogos. Setakat 14 Ogos 2014, Lembaga FELDA pada 21 Julai 2014 telah meluluskan untuk FELDA membenarkan membuat penawaran tender secara runding terus, ini kita sudah dapat persetujuan lembaga- kepada anak syarikat sejajar surat Pekeliling Perbendaharaan, tahun 2011. Jadi kita menggunakan Pekeliling Perbendaharaan dan ahli lembaga juga telah bersetuju. FELDA juga dalam proses menambah baik prosedur kontrak dan kewangan, kertas cadangan untuk melaksanakan kerja perolehan akan dibentangkan kepada Mesyuarat Lembaga FELDA dan pekeliling baru dikeluarkan setelah mendapat kelulusan lembaga untuk membuat perubahan berdasarkan keperluan semasa.

Sehingga kini manual kontrak yang disediakan dalam proses semakan untuk dibawa kepada mesyuarat lembaga pada bulan September. Ini yang mesyuarat lembaga September tidak dapat dilaksanakan because Pengerusi FELDA menunaikan ibadah haji yang kita akan buat pada hari Isnin.

■1220

So itu adalah status yang kita berikan dan berdasarkan *the next slide*, saya cuba tunjukkan di sini *pie chart* yang kita di sini. Kalau kita lihat disebut 160 perolehan, tetapi kalau kita lihat 30% adalah kursus yang mana berbentuk *direct negotiation* dengan *very specific* universiti ataupun pusat-pusat pengajian, dan yang besar juga 30% yang merupakan anak-anak syarikat FELDA, FELDA Security, D'Saji dan sebagainya yang mana mendapat kelulusan yang saya katakan tadi.

12% adalah pengusaha FELDA iaitu peneroka-peneroka FELDA yang mana inilah yang FELDA menguruskan untuk kita bantu. Lain-lain 26% ini juga kalau kita lihat saya rasa dia bersama dengan Audit Negara kita ada senarai yang lengkap, jumlah-jumlah yang kalau kita lihat jumlah yang kecil. Kalau kita lihat banyak berkaitan dengan jumlah yang mana kita berikan berkaitan hadiah dan sebagainya yang jumlahnya bernilai kurang RM10,000.

Kalau kita lihat di sini tindakan lain yang kita laksanakan, so kita ambil positif berkaitan *internal control* yang telah dibangkitkan. Kita sedia maklum bahawa dengan adanya penemuan ini kita telah mengedarkan surat peringatan kepada setiap jabatan, pegawai yang terlibat berkaitan perolehan tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender. Kita mengambil berat berkaitan dengan isu kawalan dalaman melibatkan tender proses.

Kedua seperti yang saya nyatakan tadi menguatkuasakan kawalan semakan dokumen yang lebih ketat bagi memastikan perolehan dan bayaran mengikut peraturan yang ditetapkan. Kita sedia maklum bahawa ada beberapa perkara yang melibatkan tender, ada beberapa perkara yang kita lihat, kita sudah ada pengusaha FELDA sendiri ada anak syarikat yang mana kita panggil *non-PO* ataupun yang bayaran boleh kita buat terus. Sekarang ini kita merangka, kita *clearkan* yang mana yang perlukan proses tadi jumlah dan sebagainya dan yang mana yang memerlukan proses yang sepatutnya melalui tender kita sudah sediakan pekeliling yang baru dan kita akan bentangkan kepada lembaga untuk memastikan tidak adanya kekeliruan.

Kita telah mengemaskinikan manual kontrak ini dan seperti yang saya nyatakan tadi akan dibentangkan pada hari Isnin Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ini ada satu soalan. Perolehan-perolehan ini semua selepas dibeli, adakah barang ini semua dipakai? Perkhidmatan dipakailah. Adakah *evaluation* dibuat kepada keberkesanan perolehan ini? Macam buat tadi *training cost*. *Training cost* itu ada tidak dia punya *measurement* pada orang yang menerima *training* itu. Kalau beli barang itu, barang itu dipakai?

Adakah barang itu masih lagi tidak dipakai? Adakah VO yang berlaku seterusnya kepada barang-barang tadi. Sebab saya tanya senang sahaja. Fasal perolehan ini tidak melalui prosedur, kan, jadi ia menimbulkan tanda tanya juga dalam kepala saya jugalah bahawa pembelian ini mungkin tidak dibuat dengan telus dan dibuat untuk hendak beli barang sahajalah ataupun hendak bagi perkhidmatan sahaja tetapi tidak ada dia punya sebab, keperluan ataupun tidak ada penilaianya. Tidak ada *measurement* kepada *outcome* pembelian tersebut.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Tuan Pengurus, yang semua perbelanjaan dari segi kursus dan *training* ini ialah melibatkan institusi pengajian swasta seperti yang paling besarnya ialah *Lim Kok Wing University* yang mana menerima pelajar-pelajar yang kreditnya kurang daripada tiga kreditlah yang boleh dibuat kursus skil seperti *design*, *broadcasting* semua ini. Jadi ini semua kursus-kursus ini yang telah dibentangkan dalam lembaga, yang telah diluluskan dan terus kita award kepada institusi tersebutlah. Itu sahaja, yang lain-lain selepas itu kita buat kajian balik berapa ramai yang telah graduate daripada *training* yang mendapat pekerjaan. Yang *straight forward* kita dapat tahu ialah lebih kurang 70% daripada pelajar-pelajar ini mendapat pekerjaan di swasta dan di jabatan kerajaan.

Ini terutamanya dari segi *skill training* ini memang 100% lah yang dapat pekerjaan. So ini adalah tanggungjawab yang FELDA pikul untuk membuat *training* kepada generasi baru seramai 5,000 setiap tahun *because we have about 10,000 to 15,000 SPM leavers every year throughout the country*. So ini adalah tindakan yang kita buat untuk memberi *skill-training* kepada mereka yang tidak berkemampuan untuk pergi ke universiti...

Tuan Pengurus: Ini bukan anak FELDA sahajalah, ini secara keseluruhanlah?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Kita buat 30% daripada peserta adalah orang-orang luar daripada FELDA. Kita hantar ke- *because* kita pilih Lim Kok Wing itu sebab dia ada Lim Kok Wing di London. So untuk mengembangkan pemikiran anak-anak Malaysia ini supaya lebih terbuka lagi. Walaupun mereka tidak berpeluang pergi ke institusi pengajian tinggi awam. So ini yang secara *direct*, jadi kita *overlook* tentang kita punya prosedur *because our core business* dulu adalah untuk tanam kelapa sawit, buka ladang, bina rumah peneroka dan sebagainya. So *it's all about technical control* kita yang kita terlepas pandang seolah-olah benda ini tidak begitu penting untuk dibuat satu manual yang lengkap.

Jadi yang kita adupun manual ini kita sudah beberapa kali membuat balik yang baru berdasarkan kepada perubahan-perubahan yang berlaku dalam FELDA. So sekarang ini bila ada *transformation blueprint* yang dibuat oleh FELDA ini, banyak lagi kita tengah *consolidate* apa yang kita buat dulu dengan apa yang baru yang kita sedang laksanakan.

So ini yang seperti mana Encik Shahrin katakan tadi, kita tengah kumpulkan dan akan bentangkan pada Lembaga. Ia akan terus berlaku perubahanlah.

Tuan Pengerusi: Ini macam *social responsibility* lah ini.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: *Social obligating* kita.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi pemilihan institusi di mana budak-budak ini hendak dihantar itu dibuat cara mana?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Pemilihan itu kita bentangkan dalam Lembaga FELDA.

Tuan Pengerusi: Apa kriteria yang dipakai dalam – saya bukan apa, saya fikir sekarang ini bawaha mungkin kerana hendak tolong institusi tersebut hantarlah budak-budak ke situ.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Oh, tidak.

Tuan Pengerusi: Akhirnya ia tidak memanfaatkan peserta tersebut dan juga tidak memanfaatkan FELDA juga. Fasal apa kalau budak ini balik semula kerja dengan FELDA kah apa adalah macam *human resource* punya *training program* juga. Program yang ini hanya *pure social services* FELDA bagi sahaja duit ini. Ia sebagai *scholarship* kah atau sebagai apa?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Sebagai pinjaman.

Tuan Pengerusi: Pinjaman.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Dia orang kena bayar baliklah.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Dia kena bayar balik.

Tuan Pengerusi: Itu satu hal lagi lah. Selepas ini kalau dia orang tidak bayar balik...

[Ketawa]

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Oleh sebab itu Tuan Pengerusi kita pilih institusi yang betul-betul boleh memberi pendidikan, yang boleh memberi pekerjaan kepada anak-anak muda ini untuk membayar balik.

Tuan Pengerusi: Jadi PTPTN dekat FELDA pulalah... *[Ketawa]*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Kita juga menyumbang kepada PTPTN... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Takut tidak bayar balik ini. Pembelian barang, pembelian barang tadi.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Ini adalah bayaran sugu hati kepada penceramah-penceramah yang dijemput.

Tuan Pengerusi: Penceramah. Yang barang tidak ada? Anak syarikat semua tidak baranglah. Dalam laporan audit kata ada beli sistem apatah?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Ini adalah Prodata, adalah anak syarikat FELDA secara direct yang memegang sistem FELDA. Jadi bila *anything changes in system, we have to pay*. So kita hanya runding teruslah dengan Prodata. Oleh sebab *the whole system of FELDA itu is with Prodata*.

Sistem apa dipanggil SAP. Jadi SAP ini *is a big system* yang kita boleh tokok tambah untuk hendak menambah baik lagi sistem tersebut.

Tuan Pengerusi: So related company punya transactionlah between main company dengan subsidiarylah.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Yes.

Tuan Pengerusi: Cuma sekarang ini baru you hendak formalize dia punya procedurelah.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Exactly.

Tuan Pengerusi: Inter company punya purchaselah, procurement, okeylah.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Oleh sebab kita ada lihat pekeliling, kewangan?

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Perbendaharaan.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Perbendaharaan. Membenarkan kita membuat rundingan terus dengan anak-anak syarikat.

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada sedikit saya tambah yang berkaitan perkara tersebut adalah berdasarkan bajet kita sebenarnya secara umum sistem kita macam Datuk Faizoull katakan tadi. Sistem SAP yang kita ada di sini.

■1230

Saya rasa dari segi audit juga tidak menyatakan berkaitan dengan tidak ada bajet dan sebagainya. Kita memang sistemnya bajet sebenarnya ada, tidak ada masalah. Pelaksanaan bajet pun diluluskan oleh lembaga. Ini bukan melibatkan pembelian yang di luar bajet. Kalau kita lihat semua sekali telah diluluskan oleh lembaga. Berkaitan dengan sama ada kos ini melibatkan lebih tinggi dan sebagainya tidak ditimbulkan. Saya rasa sejajar. Cuma prosedur pembelian sahaja yang agak menjadi teknikal Tuan Pengerusi.

So, untuk penemuan kedua ya, berkaitan dengan perolehan berjumlah RM1.85 juta bagi sambutan Hari Peneroka pada tahun 2011 di pecah kecil untuk mengelakkan urusan tender. Ini status pada 29 April...

Tuan Pengerusi: Okey, Kementerian Kewangan hendak ulas sedikit.

Encik Shahrul Kamal bin Osman: Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan berkenaan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.1/2011 kita tidak membenarkan rundingan terus kepada anak syarikat. Cuma kita membenarkan anak syarikat menyertai perolehan induk. Maknanya syarikat induk. Itu saya hendak jelaskan spirit pekeliling dahulu kita tidak benarkan. Maknanya induk punya sebab dia tahu lah semua anggaran jabatan semua sudah tahu. Akan tetapi *due diligence, good governance* kena ikut. Itu sahaja. Bukan rundingan terus. Kita cuma membenarkan anak syarikat menyertai perolehan syarikat induk.

Tuan Pengerusi: Saya hendak maklum kepada Datuk, kita ada wakil MOF, wakil EPU dan wakil JPA dalam mesyuarat kita hari ini dengan Jabatan Akauntan Negara pun ada.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Saya ingat Tuan Pengerusi, saya ingat kita kena berjumpa balik dengan Perbendaharaan sebab FELDA ini perbezaan kita dengan agensi lain ialah ladang yang diuruskan adalah ladang peneroka. Jadi kewangan yang diperoleh untuk hendak melaksanakan sistem yang baik adalah milik mereka. Prodata adalah anak syarikat peneroka mempunyai kepentingan melalui Koperasi Permodalan FELDA.

Jadi kita memikirkan setiap kerja yang hendak dibuat untuk peneroka ini sepatutnya datangnya daripada syarikat yang ada kepentingan dengan mereka yang mereka mempunyai kepercayaan seperti yang saya sebut tadi iaitu kepentingan Prodata itu memang Koperasi Permodalan FELDA memegang 51%.

Itu yang kita buat rundingan terus. Kalau boleh kita akan memohon dengan Kementerian Kewangan untuk memberi kemudahan kepada FELDA melaksanakan perkara ini supaya lebih mudah. Seperti juga dengan jamuan makan yang disediakan oleh D'Saji. D'Saji adalah anak syarikat kepada Koperasi Permodalan FELDA yang dimiliki oleh 112,635 peneroka.

Jadi bagi saya apa yang saya bentang dalam lembaga adalah berdasarkan kepada kepentingan masyarakat peneroka ini kerana mereka menyumbang untuk mendapatkan pendapatan selain daripada pendapatan kebun mereka yang lebih terdedah kepada komoditi yang ada *fluctuation*. Jadi apabila koperasi ini ada, koperasi inilah sebagai tambahan pendapatan kepada mereka kerana mereka merupakan pelabur yang terbesar. Jadi ini yang kita akan minta dengan Kementerian Kewangan dan Perbendaharaan supaya dibenarkan seperti mana Lembaga FELDA memahami apa kehendak pengurusan untuk peneroka-peneroka mendapat kemudahan.

Tuan Pengerusi: Tidak Datuk. Pada ketika itu tidak ada. Sekarang ini FELDA hendak buat. Bila Audit buat audit pada ketika itu dia *pickup*. Mungkin tidak tahulah sebab kerajaan ini bawah JPM... [Ketawa] Banyak orang takut hendak sentuh... [Ketawa] Mungkin.

Akan tetapi saya setuju. Saya pernah menjadi Pengerusi UDA dahulu. Badan berkanun memang diberikan kelonggaran oleh MOF untuk hendak menentukan SOP sendiri. Lepas ini FELDA akan buat pembaharuan, penambahbaikan pada SOP FELDA itu perkara ini saya rasa tidak berulang lagi. Akan tetapi baguslah niat FELDA hendak bagi anak syarikat yang boleh membantu peneroka untuk hendak dapatkan lebih pendapatan. Itu baiklah.

Cuma dari segi pada ketika itulah dia melanggar peraturan. Itu sahajalah... [Disampuk] Ya. Akan tetapi dalam SOP dalaman sendiri dalam FELDA itu perlu diubah juga. Perlu diubah.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Saya katakan FELDA hanya *the core business* dulu amat berbeza dengan sekarang apabila kita diarah oleh kerajaan untuk memainkan peranan yang lebih besar selain daripada hanya membuka ladang dan menempatkan peneroka.

Tuan Pengerusi: Datuk, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu tanya ayat itu diarahkan untuk hendak... [Ketawa]

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Minta maaflah.

Tuan Pengerusi: Siapa arah itu? Lembaga Pengarah atau JPM arah itu.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Bukan.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri.]

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Selepas itu kita mendapat arahan untuk melaksanakan seterusnya membantu kerajaan untuk melihat dari segi masyarakat seterusnya iaitu anak, cucu, cicit mereka. Itu yang banyak yang berlaku perubahan dalam sistem.

Kalau sistem dulu cukup *straight forward*, senang diuruskan. Oleh sebab itu dibuat dengan begitu teratur *because* kita berjalan dulu atas meminjam daripada Bank Dunia yang memerlukan polisi dan *guideline* yang begitu ketat. Selepas itu kita banyak *transition* yang berlaku. Maka kita terpaksa membuat perubahan.

Jadi, bagi pihak pengurusan apa yang kerajaan memberi peraturan itu kita cuba membuat perubahan dengan mengikut apa *good governance* yang dikehendaki oleh pihak pentadbiran kerajaan, itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Penerangan Datuk ini bagus oleh sebab kami pun tidak faham. Pandangan rakyat pula bahawa wang FELDA sekarang ini digunakan untuk tujuan lain. Pandangan setengah peneroka pun begitu. Bukan? Jadi Datuk bagi penjelasan ini nanti bila kita sudah buat masuk dalam laporan kita, *public* boleh bacalah apa sebenarnya perubahan, peranan FELDA ini. Baguslah.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Tanggungjawab. Kita sudah bentangkan di beberapa *international forum* tentang penglibatan kita. *In fact* Bank Dunia telah pun mengambil FELDA sebagai contoh *a sustainable development* yang terbaik di dunia. *I just come back from New York to present it in the Colombia University.*

Tuan Pengerusi: Bagus. Teruskan Encik Shahrin.

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk berkaitan penemuan dua, Sambutan Hari Peneroka. So jawapan yang diberikan pada 29 April, Sambutan Hari Peneroka 2011 adalah acara tahunan yang penting untuk FELDA yang diadakan pada 7 Julai 2011.

Acara tersebut kebiasaannya menghadapi masa yang singkat untuk persediaan disebabkan perlu menunggu pengesahan tarikh dan tempat. Selalunya bertukar dan di saat akhir kita mendapatkan tempat yang sepatutnya.

Kebiasaan kerja-kerja yang dilaksanakan perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK). Akan tetapi pada masa perancangan dan persiapan dilakukan, Mesyuarat JKK tidak bersidang dan hanya diadakan pada 25 Julai 2011. Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit FELDA 29 April 2004, *endorsement*. Keputusan perbincangan untuk perkara ini akan diangkat pada Mesyuarat Lembaga yang akan datang ini. Ini jawapan yang diberikan sebelum ini.

Status pada 14 Ogos 2014, pengurusan perolehan FELDA telah dibentangkan untuk makluman kepada Mesyuarat Lembaga pada 21 Julai 2014 dan telah dipersetujui supaya mendapatkan maklum balas daripada Jawatankuasa Siasatan Khas Siri 2, Tahun 2013, Jabatan Perdana Menteri sekiranya perlu. Manakala yang saya *update* pada hari ini seperti yang saya *update* sebelum ini, jawatankuasa tersebut telah mengemukakan surat kepada Pengerusi FELDA dan kita sudah sedia maklum dan mempertimbangkan yang mana dari segi *procedural* kita faham disebabkan melanggar tertib ataupun prosedur yang dilaksanakan, mempertimbangkan dan melaksanakan urusan tatatertib kepada pegawai yang terlibat di dalam siasatan ini.

Pada 2 September penentuan kes telah dibuat dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tatatertib dibuat dan drafnya diperketat bahawa untuk kelulusan seperti yang saya maksudkan tadi. Walau bagaimanapun, daripada isu yang dibangkitkan tidak langsung melibatkan berkaitan dengan penyalahgunaan. Tidak melibatkan berkaitan kes ataupun kos yang lebih tinggi dan sebagainya.

■1240

Ia hanya disebabkan pada masa- kita ada jawatankuasa juga. Maknanya kita tidak bawa jawatankuasa yang lebih tinggi. Akan tetapi dibuat juga dalam bentuk proses tender cuma tender itu hanya di bawah. Itu saja dia punya masalah. So, itu untuk penemuan dua. Boleh saya teruskan atau kita...

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Penemuan tiga sebenarnya adalah perkara sebenar yang berkaitan. Pada asalnya perkara dua dan tiga ini disatukan, cuma ia isu yang berbeza dan sekarang menjadi perkara tiga. Isunya lebih kurang sama. Okey perkara tiga ini perolehan berjumlah RM3.65 juta bagi kerja hiasan dalaman Menara FELDA pada tahun 2011 di pecah kecil untuk mengelakkan urusan tender. Ini juga untuk hari peneroka tapi hari peneroka untuk tahun 2012.

Status pada 29 April 2014 ialah kerja-kerja hiasan dalaman fasa satu terpaksa dipecahkan kepada lima pakej disebabkan keperluan untuk menyiapkan kerja sebelum Sambutan Hari Peneroka 2012, dan majlis perasmian Menara FELDA. Ini juga atas masa yang agak singkat. Status pada 14 Ogos adalah pengurusan perolehan FELDA telah dibentangkan untuk makluman kepada mesyuarat lembaga jawapan kita adalah sama seperti jawapan tadi sebab isu yang sama dan pada status sekarang juga sama. Ia juga sebenarnya dibawa ke jawatankuasa, cuma jawatankuasa yang lebih rendah kalau dicampurkan patutnya lebih tinggi.

Akan tetapi juga tidak melibatkan berkaitan lebihan kos tidak melibatkan penyelewengan dan sebagainya lebih kepada teknikal berkaitan proses tender yang dibuat di peringkat bawah bukan lebih atas lagi...

Tuan Pengerusi: Saya rasa jawapannya maknanya kerana apa...

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Kesuntukan masa.

Tuan Pengerusi: Kesuntukan masa, *you* pecahkan lah?

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Ya.

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa yang apa?

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Yang lebih tinggi itu tidak bersidang pada masa tersebut.

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa yang lebih tinggi tapi mereka maklum.

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Selepas itu kita maklum.

Tuan Pengerusi: Ini daripada ibu pejabat kah atau apa? Ini memang ibu pejabat lah?

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Ya, ibu pejabat. Di Menara FELDA, ibu pejabat. Kita maklumkan pada tahun 2014. Saya rasa ini pun ada kita maklumkan pada mesyuarat pada 21 Julai 2014 telah dimaklumkan kembali. Saya teruskan, Tuan Pengerusi.

Bagi penemuan perkara empat, ini adalah berkaitan dengan kelemahan dalam penggunaan kontrak iaitu dokumen kontrak yang tidak disediakan bagi 56 perolehan berjumlah RM183.13 juta. Jawapan yang diberikan adalah FELDA berpendapat dalam urusan kontrak adalah memadai hanya Surat Perintah Kerja (SPK) atau Borang Pesanan atau *Purchase Order* (PO) dikeluarkan dengan syarat ia mempunyai tandatangan kedua-dua pihak iaitu pihak FELDA dan pihak pemborong ataupun kontraktor. Mulai Jun 2014, FELDA akan mengeluarkan peringatan kepada semua jabatan supaya semua perolehan mempunyai dokumen perjanjian yang lengkap. Ini jawapan pada 29 April.

Pada 14 Ogos kita bagi jawapan yang terkini iaitu Jabatan Undang-undang FELDA mengesahkan bahawa Surat Perintah Kerja (SPK) adalah perjanjian yang mengikat kedua-dua pihak yang menandatangi serta melindungi FELDA jika berlaku sebarang pelanggaran syarat.

Kita masukkan juga di sini amalan ini telah lama dilaksanakan oleh FELDA untuk menjimatkan kos guaman. FELDA sedang menyemak jenis dan nilai kontrak yang perlu disediakan perjanjian tambahan jika perlu selain dokumen SPK.

Semakan ini akan dimasukkan dalam manual kontrak yang sedang disediakan dan akan membentangkan dalam Mesyuarat Lembaga bulan September yang kita buat pada hari Isnin. Manual kontrak tersebut akan meliputi aspek penyediaan dokumen kontrak yang lengkap. Status yang kita bawa hari ini untuk penerangan yang lebih lengkap lagi. So, kita masukkan di sini dokumen kontrak adalah dokumen perjanjian tambahan yang perlu disediakan untuk memperincikan spesifikasi kerja atau bekalan jika perlu. Ini kerana kalau ikutkan kepada amalan FELDA 55 tahun lebih, adalah memadai dengan hanya mempunyai Surat Perintah Kerja atau pun kita maksudkan SPK itu tadi dan Surat Setuju Terima (SST). Dokumen ini telah diterima sebagai bukti mahkamah dan disahkan oleh undang-undang FELDA.

FELDA juga dalam kita mengambil input yang telah dibentangkan oleh Jabatan Audit Negara. Kita sedia maklum untuk membetulkan kelemahan yang sedia ada. FELDA juga telah mengemas kini manual kontrak yang saya sebutkan tadi akan dibentangkan pada hari Isnin. Secara pecahannya untuk kita melihat apakah jumlah, kalau lihat nampak macam banyak RM183 juta tetapi kalau kita lihat ada tiga pecahan sebenarnya. Kalau lihat dari segi 56 perolehan tadi, *by chart* yang saya tunjukkan di sini *almost* 30% anak syarikat dan kalau kita lihat 37% adalah institusi pengajaran dan lain-lain sebanyak 34%.

Bagi Datuk dan Tuan-tuan untuk melihat apakah SPK bagi FELDA adalah satu dokumen yang kita sudah sedia pakai dirancang dan sebagainya. satu untuk menjimatkan kos. Sebab kita kalau buat perjanjian akan melibatkan *stamping* dan sebagainya yang telah kita guna pakai dan banyak *court case* dan sebagainya. Kita bawa dokumen ini dan diterima oleh mahkamah. So, ini contoh yang saya sebutkan SPK tadi. So kalau kita lihat SPK di sini butiran berkaitan dengan kontrak ini dikeluarkan melalui sistem SAP yang mana nilai dan juga jumlah kepada siapa, tahun, nilai, semuanya ada di sini dan tandatangan oleh pihak pengurusan FELDA ada di sini.

Pada waktu yang sama juga *the next slide* kita lihat di sini yang kita panggil surat setuju terima maknanya kontraktor ataupun pembekal membekalkan khidmat atau pun barang tadi juga, dia menerima pelantikan tadi dan dia akan menandatangani juga surat setuju terima ini. itu kita harap perkara ini- sebab benda ini sudah yang telah lepas tetapi *of course* untuk FELDA kita mengemas kinilah berdasarkan maklumat yang diberikan, input yang diberikan. Manual baru kita, kita kemas kinilah.

So, Tuan Pengerusi ini isu yang nombor empat dan inilah contoh dokumen yang kita- bagi *legal* FELDA, kita sudah maklumkan ini adalah dokumen yang sah mengikut undang-undanglah. So, kita harap kita baharui atau perbaiki dalam manual yang baru.

Tuan Pengerusi: Sewaktu MOF amalannya baik atau tidak baik? Hanya mereka...

Encik Shahrul Kamal bin Osman: Tidak, *off record*, saya... [Ketawa] Okey, dalam perolehan perniagaan kontrak ini, ia adalah bagi menjaga kepentingan kerajaan. Bila saya tengok kepada SPK dan juga SST, itu memang tidak adupun keluarkan Surat Setuju Terima di mana dalam perolehan kerajaan Surat Setuju Terima adalah sebahagian daripada dokumen kontrak. Ia bukan kontrak. Ini kerana ia kata *di situ* adalah sebahagian daripada dokumen kontrak. Bagi kerja boleh dibayar tiga bulan dan empat bulan pertama.

Bagi bekalan dan perkhidmatan tidak boleh dibayar sehingga kontrak siap ditandatangani. Ini kerana daripada penjelasan yang diberikan, SPK boleh diterima di mahkamah cuma terma pembayaran tidak dinyatakan di dalam SPK dan juga SST. Berapa peratus siap, berapa peratus bayar. Bila siap itu ada dan juga sekiranya lewat macam mana hendak dikenakan denda kepada syarikat. Kalau kita ada pertikaian di mana hendak dirujuk, di dalam kontrak, standard kontrak kita ada *arbitration* dan juga denda memang kita ada dan juga ada satu klausa yang boleh menamatkan kontrak. Jadi itu yang bila Tuan Pengerusi tanya itu saya tidak boleh hendak kata betul atau tidak lah. Kalau dia kata amalan itu adakah amalan kalau tadi amalan itu, jadi dia tidak mematuhi kita punya standard lah yang mana dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: Itu yang / hendak *you cakap*... [Ketawa] Begini, walaupun ada sebahagian besar daripada kontrak tersebut adalah anak syarikat, macam Datuk kata tadi memang dianya membantu anak syarikat yang peneroka ada *share* dalam itu kan, macam Prodata lah dan sebagainya. Akan tetapi *quality of service* mesti ada juga dalam perkhidmatan atau bekalan di antara bapa dengan anak pun. Kalau tidak nanti yang anak ini bukan dia buat kerja itu, dia sub pada orang lain. Jadi rantaian pengawasan itu putus fasal mungkin di antara *subsidiary* – ini kita belum tengok lagi *subsidiary* dengan dia punya sub kontraktor lah. Akan tetapi di antara FELDA sendiri sebagai induk dengan anak syarikat sendiri pun mesti ada kontrak itu supaya ia menjadi satu ukuran *quality of service*.

■1250

Maknanya *service level* kan, macam *service level agreement* kan. Jadi terma kontrak itu menentukan *service level agreement* ia. Terma kontrak itu menentukan tempoh masa hendak siap, bayarannya berapa dan sebagainya. Walaupun tidak akan hendak suruh anak syarikat- induk hendak pergi suruh anak syarikat kan? Jarang berlakulah kan. Akan tetapi memandangkan FELDA sudah mengubah *business plan*, sekarang ini sudah masuk bidang-bidang lain.

Jadi saya rasa pandangan daripada Kementerian Kewangan itu memang patut diguna pakai untuk menambahbaikkanlah, menambahbaikkan prosedur.

FELDA banyak duit, hendak buat kontrak itu bolehlah runding dengan *lawyer standard fee*, ikut *volume* berapa harganya. Takkan harga kontrak pun tidak boleh hendak ini... *[Disampuk]* Hendak save sangat kontrak... *[Ketawa]* Pasal apa, *liability* yang mungkin berlaku itu lebih besar daripada LAD kah, lambat siap dan sebagainya, itu lebih besar daripada kos kontrak tersebut. Itu pandangan sayalah, saya tidak tahu tentang pengurusan.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Kita terima pandangan-pandangan daripada Tuan Pengerusi dan juga pihak audit. Memang syarat-syarat...

Tuan Pengerusi: Itu bukan audit, itu MoF.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Oh, MoF.

Tuan Pengerusi: Salah cakap itu.

Datuk Haji Falzoull bin Ahmad: Memang dalam SPK itu kalau kita tengok di belakang itu, ia lebih banyak- macam *agreement*lah, macam *agreement*, yang ini sebahagian. Jadi kita akan buat itu satu *agreement* yang lengkaplah. Dalam SPK FELDA yang kita amalkan dahulu, selalunya kontrak kita buka ladang, pengurusan ladang dan sebagainya adalah mengambil kira kepentingan penerokalah. Oleh sebab mereka kena bayar balik. Jadi kita memang jaga dari segi kos, mesti yang paling rendah. Paling minimumlah dalam *compared* dengan *industry player* yang lain, yang membuka ladang apa semua, kos FELDA yang paling rendah. Oleh sebab itu kita buat SPK kita tidak sama dengan yang lain. Kos ini akan *reflect* kepada peneroka, *because they have to pay back* dalam *certain period*. Jadi kos inilah yang kita rasa pengurusan FELDA pada ketika itu merasakan sudah mencukupi untuk menjaga kepentingan peneroka dan juga kerajaan. Ini kerana ia telah melibatkan kepentingan peneroka itu sendiri. Kalau misalnya kita bagi harga mahal itu, tidak perlulah FELDA *react*. Peneroka sendiri yang akan marah. Itu yang saya hendak sebut di sini. Memang kita jaga tetapi hendak samakan dengan Perbendaharaan nanti, kita buat kajian ini balik.

As I said, kita dahulu core business kita macam buka ladang semua ini. Jadi untuk ambil mudah apa-apa kerja baru pun kita buat SPK, itulah yang jadi keadaan kita rasanya SPK ini lebih samalah dengan *agreement*. Jadi kalau misalnya diperlukan, ada kita bahagikan kerja-kerja yang boleh kita jaga kepentingan melalui *agreement* dan *lawyer* terlibat untuk melihat perkara ini.

Seorang Ahli: Manual baru...

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Manual baru kita memang masukkan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya faham tekanan pada pengurusan FELDA hendak buat pengurusan tetapi dicampuradukkan dengan politik. Akan tetapi *for the future, for best practice, you kena upgrade you punya- you kena protect yourself also more than the peneroka. Harga itu is harga.*

Akan tetapi *the other terms of the contract, the service level* dan sebagainya ini, kena upgrade. Pasal apa, kita sedia maklum *yield* daripada FELDA pun rendah berbanding dengan *extraction yield* daripada syarikat-syarikat lain, syarikat-syarikat swasta, mengenai *palm oil* kan. Jadi hendak tidak hendak pun, kita dekat PAC hendak tengok FELDA pun *maximize your income as much as you can*. Akan tetapi *you take care of the peneroka, but you can not continue that you berat sebelah pada peneroka dari segi all the times*. Akan tetapi FELDA sendiri tidak boleh hendak *improve you punya performancekan?*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Tuan Pengerusi, waktu kalau ikut surat ini 2012 pun- *at that point of time* pun, perjanjian *contract is requirement*.

Perkara kedua itu dikehendaki melaksanakan perjanjian kontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. *Another word, there was a requirement which was-* kalau ikut penjelasan tadi *is* tidak ada *compliance*lah.

Ketiga itu berkenaan dengan jaminan bank atau *bank draft* ya. *Which if you go further up to four, is the condition that their work that the contract is complete*. Pertama, *is the* perjanjian kontrak. Kedua, bon dan baru boleh buat kerja, itu nombor empat. So, kalau hendak katakan perjanjian kontrak *at that point of time was not requirement, it was a requirement as stated in the letter*.

Tuan Pengerusi: *But they said the SPK is enough. Itu their argumentlah.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Ya, *but if their SPK is enough, why, why put...?*

Tuan Pengerusi: Kita punya *argument is different*lah. Dalam laporan kita, kita akan tulis pandangan kita Dato". Kita hendak bagi peluang untuk terangkan sahaja. Jadi Yang Berhormat Telok Kemang kata, keperluan kontrak itu ada pada ketika itu.

Puan Ong Swee Leng: Tuan Pengerusi, *also to add on their manual itself. The SOP themselves also says that, "Kontrak perjanjian perlu diwujudkan dan ditandatangani bagi perolehan bernilai lebih daripada RM200,000 dan SPK tidak dibenarkan."* It says that...

Seorang Ahli: *What's the date of the manual?*

Puan Ong Swee Leng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *That's why* sekarang ini timbul isu ketidakpatuhan kepada *your own internal manual*. Jadi, sekarang ini saya rasa lega jugalah apabila Datuk sudah mula hendak buat manual baru, manual perolehan baru, hendak bentang pada *board* minggu depan. Jadi maknanya pembetulan itu akan berlakulah. Akan tetapi pada ketika itu, PAC tetap kena tengok *facts on the date of the incident*. Terima kasih.

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk penemuan kelima, ia ada berkaitan dengan kelemahan dalam pengurusan kontrak iaitu dua kontrak bernilai RM60.68 juta belum ditandatangani.

Untuk status pada 29 April 2014, FELDA memaklumkan bahawa dokumen kontrak bermilai RM38.15 juta, ia ada dua ini yang pertama- telah dihantar kepada pihak kontraktor untuk ditandatangani dan dijangka selesai ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada bulan Mei 2014. Terdapat percanggahan kontrak antara FELDA dan kontraktor bagi kontrak bermilai RM22.53 juta menyebabkan pihak kontraktor telah mengambil tindakan undang-undang terhadap FELDA untuk menuntut ganti rugi. So, pihak peguam yang mewakili FELDA telah menasihatkan agar dokumen kontrak tidak ditandatangani memandangkan ia masih dalam prosiding mahkamah, *because ada prosiding mahkamah yang menyebabkan peguam FELDA minta kita jangan sign. That's why ia tidak ditandatangani.*

Seterusnya kita menjawab pada 14 Ogos 2014 kenapa ia tidak ditandatangani. Daripada dua kontrak yang bermilai RM60.68 juta tersebut, kontrak kerja hiasan dalaman Menara FELDA bermilai RM38.15 juta telah ditandatangani oleh FELDA dan pihak kontraktor iaitu Atlanta Resources Sdn. Bhd. pada 6 Mei 2014. Okey, ini sudah selesai. Bagi kontrak kerja hiasan dalaman bermilai RM22.53 juta, tidak ditandatangani disebabkan terdapat percanggahan kontrak antara FELDA dan kontraktor itu Canggih Kilat Sdn. Bhd. Pihak kontraktor telah mengambil tindakan undang-undang terhadap FELDA untuk menuntut ganti rugi. So, disebabkan keadaan tersebut pihak peguam yang mewakili FELDA telah menasihati agar dokumen kontrak tersebut tidak ditandatangani memandangkan ia masih dalam prosiding mahkamah dan kontraktor tersebut telah ditamatkan dari kontrak. So, ini jawapan yang diberikan.

Untuk status hari ini Tuan Pengurus, kita hendak maklumkan bahawa prosiding mahkamah dengan pendengaran taksiran ganti rugi yang telah dijalankan pada 22 dan 23 Julai 2014, di mana peguam FELDA telah membuat pemeriksaan balas terhadap saksi utama plaintiff dan seterusnya mahkamah telah menetapkan tarikh pendengaran baru pada 9 Disember 2014 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. So, disebabkan keadaan ini kita masih tidak lagi menandatangani perjanjian.

Tuan Pengurus: Baru cakap pasal tidak ada kontrak, boleh terima masalah, betul pun...
[Ketawa]

■1300

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: So Tuan Pengurus, ini adalah yang terakhir dan *alhamdulillah* yang ini sudah berwarna hijaulah, yang telah selesai tetapi elok juga saya maklumkan isu apa yang terlibat di sini. Tiada pemantauan dan penyeliaan terhadap program bancian warga peneroka menyebabkan FELDA terpaksa menjalankan bancian semula pada tahun 2012 melibatkan kos sejumlah RM1.02 juta. Bayaran sejumlah RM0.74 juta bagi bancian pertama yang dijalankan pada Julai 2011 telah dibuat tanpa sebarang dokumen sokongan seperti laporan pemantauan dan pengesahan kerja.

Sehingga tarikh pengauditan pada 8 Mac 2013, bincian semula yang dijangka siap pada bulan September 2012 masih belum selesai. Inilah isu yang ditimbulkan dan apa yang telah dijawab pada 29 April 2014, FELDA memaklumkan konsultan tidak dilantik kerana FELDA merasakan PERSADA dan Majlis Belia FELDA ialah badan di dalam FELDA mampu untuk menjalankan bincian tersebut kerana kita merasakan *internal body* di dalam FELDA boleh laksanakannya berbanding konsultan daripada luar untuk penjimatan dan pelaksanaan yang lebih efisien.

Berdasarkan hasil bincian pertama, FELDA mendapat masih banyak maklumat yang diterima belum lengkap dan tidak tepat. Oleh itu FELDA membuat bincian kemas kini untuk mendapatkan maklumat sebenar di samping mengesahkan maklumat bincian pertama yang telah dijalankan. Jawatankuasa untuk memantau dan menyelia Program Bincian Warga Peneroka FELDA telah ditubuhkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga FELDA bilangan 280 pada 31 Januari 2012. Selain daripada itu pembayaran sebenar dilaksanakan di peringkat wilayah dan juga rancangan dan segala dokumen sokongan disimpan di peringkat wilayah dan rancangan. Jadi sebenarnya dokumen ada tetapi di peringkat wilayah dan di rancangan kerana pembayaran di buat di rancangan dan wilayah.

Pembayaran sebenar yang telah dibuat sehingga kini adalah hanya berjumlah RM1.8 juta daripada bajet asal RM5 juta. Memang betul penjimatan telah dibuat dan ia lebih efisien kerana Majlis Belia adalah generasi FELDA yang lebih tahu tentang cucu, anak dan sebagainya untuk kita membuat pemantauan. Status pada 14 Ogos 2014, ini semasa kita dapat hijauah, jawapan tadi masih dapat kuning. So, ini jawapan yang telah dipersetujuilah oleh Jabatan Audit.

Program Bincian Warga Peneroka FELDA telah selesai pada bulan Mac 2014 dengan proses memuat naik data bincian ke dalam sistem SKB. SKB adalah sistem SAP yang kita pakai. Data-data tersebut bakal digunakan bagi memperkasakan tadbir urus pengurusan FELDA di semua peringkat melalui integrasi sistem-sistem pengurusan di FELDA seperti sistem latihan kemahiran, insentif pelajaran, pinjaman dan lain-lain. Berdasarkan maklumat bincian yang telah dimuat naik dalam sistem SKB, maklumat generasi peneroka iaitu anak, cucu-cicit serta menantu mengikut umur, jantina bangsa dapat dikeluarkan.

Selain daripada itu, terdapat juga beberapa laporan yang boleh dikeluarkan daripada data bincian seperti laporan generasi baru, OKU serta yang telah meninggal dunia serta direktori generasi baru. Kalau kita lihat status 16 Oktober, kita anggap isu ini telah selesai. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja daripada segi makluman. Jadi saya serahkan semula kepada Pengarah Besar, Datuk Faizoull. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengurus, jadi bancian itu sudah diselesaikan sekarang? Adakah maklumat mengenai bancian itu mengenai keluarga di FELDA dan bilangan penduduk di FELDA sekarang, berapa juta orang di situ?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Tuan Pengurus, setakat ini data-data yang telah dibuat bancian itu telah pun dimuat naik. Tujuan utama kita membuat binci ini adalah untuk mengenal pasti adakah si polan-si polan ini anak, cucu atau cicit peneroka jika mereka memohon untuk menjadi ahli kepada Koperasi Permodalan FELDA yang kedua. Jadi setakat sekarang ini data itu lengkap dan akan ada pertambahan jika ada kelahiran baru.

Dr. Tan Seng Giaw: ...Berapa juta?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Saya tidak dapat *figure* yang sebenarnya tetapi dalam satu juta lebih lah, hampir dua juta.

Tuan Haji Ab. Ghani bin Mohd Ali: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: 1.65 juta. Jadi bancian ini tujuan utamanya adalah untuk kita mengklasifikasikan adakah mereka layak untuk menjadi ahli kepada koperasi FELDA yang kedua dan juga untuk mendapatkan pinjaman daripada FELDA untuk pinjaman pendidikan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada maklumat tadi Datuk, berapa anak syarikat FELDA sekarang?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Saya tidak bawa semua ini. Jumlah yang sebenarnya saya tidak boleh hendak bagi- kerana anak-anak syarikat telah diletakkan di bawah FELDA Global Venture yang telah pun disenaraikan di Bursa Saham dan ada juga anak syarikat yang baru ditubuhkan di bawah FELDA Investment Cooperation yang merupakan *investment arm* kepada FELDA yang baru.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi saya hendak tahu bilangan sama ada dalam global ataupun di *investment venture*, tidak kiralah, bagilah satu angka yang tepat.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Kita boleh- pihak pengurusan akan bagi maklumat selepas ini dengan tepatlah. Sekarang ini kita takut tidak tepat sebab FELDA Global Venture berkembang. Kita takut tersilap fakta. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Mesyuarat lembaga itu katakan hendak memberi peluang kepada anak syarikat. Jika anak syarikat tidak mampu, apakah tindakan yang dibuat? Siapa yang menentukan anak syarikat ini mampu menjalankan kerja?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Setiap anak syarikat mempunyai ahli lembaga masing-masing dan mereka diaudit dan dipantau setiap masa oleh pihak audit dan juga *auditors* daripada luar dan dalam.

Dr. Tan Seng Giaw: Bila kita ada tender untuk sesuatu projek, siapa yang menilai, mentafsirkan anak syarikat ini mampu untuk menjalankan kerja?

Sebab kalau mesyuarat itu sudah membuat keputusan untuk memberi secara rundingan terus kepada anak syarikat tetapi mesti ada orang, Lembaga atau Jawatankuasa yang menentukan sama ada syarikat ini mampu untuk melaksanakan projek yang dimaksudkan. Kalau tidak, tidak bolehlah kita terima walaupun rundingan terus, walaupun kita hendak menolong anak syarikat.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Bukan semua kerja yang kita buat rundingan terus ini Yang Berhormat, kita selalunya- macam yang kita sebut tadi Prodata yang telah terbukti merupakan syarikat IT FELDA yang mempunyai kewibawaan bukan sahaja dia dapat tender daripada FELDA tetapi juga daripada luar juga mereka memperoleh tender-tender. Ini dengan secara jelasnya bahawa mereka berkemampuan dan di samping itu untuk menyemaknya adalah Ahli Lembaga syarikat-syarikat tersebut.

Keduanya ialah macam perkhidmatan katering yang telah dibuat oleh D'Saji. D'Saji merupakan satu perkhidmatan yang memang telah terkenal di Lembah Klang ini. Selalunya program-program ini memang kita, ahli lembaga percaya bahawa D'Saji memang mampu mengendalikan kerja-kerja tersebut dan syarikat-syarikat di bawah koperasi pun memang berkemampuan kerana melihat daripada prestasi Koperasi FELDA yang merupakan koperasi nombor satu di Malaysia, jadi perkara ini memang dilihat dengan begitu teliti. Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Terima kasih kepada pihak pengurusan FELDA. Saya hanya ingin hendak faham secara *big picture* sahaja. Apakah fungsi perbezaan antara FELDA sekarang sebagai badan berkanun dengan FGV? Adakah satu *line* yang *clear* ataupun masih *interconnected* dari segi pekerjaan-pekerjaan ladang, *business* dan lain-lain, itu nombor satu.

■1310

Kedua selepas FGV telah pun disenaraikan, FELDA dapat boleh dikatakan suntikan dana dari segi penjualan saham. Seingat saya, kalau tidak salah lebih kurang RM4 bilion atau lebih. Apakah penggunaan dana tersebut, dan adakah ia digunakan untuk membayar balik hutang-hutang yang sebelum ini dikumpulkan. Itu sahaja.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Hubungan antara FELDA dengan FELDA Global Ventures ini merupakan satu hubungan antara agensi kerajaan iaitu FELDA dan FELDA Global Ventures merupakan syarikat yang telah disenaraikan dan FELDA memiliki kepentingannya sebanyak 35%. Asalnya 39.97% tetapi 5% telah dijual kepada Koperasi Permodalan FELDA untuk memilikinya. Jadi hubungannya bukannya seperti dulu 100%, tetapi *they are listed company that we owns only 39.97% in a first place then it will reduce after we sell 5% to FELDA cooperative.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *I think, I asking more in terms of activities.*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: *The activities, it will related to FELDA proper is on processing, the midstream activity.*

The processing part- the settlers sell their fruits to the mill. We are the largest mill in this country- that is more than 70 mills for processing. Part of that it's not a totally business when we did that. It is just a social responsibility for making the settlers really easy to send the fruits to the mill. So that is the relation where the settlers will have a direct access to the mill for processing their commodities...

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So that as a big picture, FGV focuses on processing than FELDA, kerajaan/agensi fokus on the plantation.*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: *That is a part of the business that we are talking about. Because FELDA Global Ventures the main activities that they look into this business is the rubber, palm oil and sugar. So that's a lot of activities is not only the processing is up stream towards to the downstream.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Understand. But I'm just trying to see the distinction of FELDA's role today dengan FGV. Apa yang masuk dalam FGV, apa yang lebih kepada FELDA. Adakah ada overlapping activities antara kedua-dua pihak. Itu sahaja.*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: *We are totally on the social activity in the scheme to make them become a very united to work on education, to work on this community development. At the same time we also look at the small businesses between them to help. But the processing part is done by FELDA Global Ventures, thru the mill as I said we have 70 plus mill throughout the country including Sabah and Sarawak. That it's under FGV.*

Also as I said I cannot give exact figure because it's already expand. FELDA Global Ventures has already expand when they bought certain company, certain plantation. Part of that its not only palm oil their looking at they also have a business in rubber and also in sugar. So it's not only processing but its value chain, upstream and downstream. How far it can go until what I can see they have already produced like graphene. Graphene the one that is future needed by the industry and also on the wellness product like tocotrienol. Okay, thank you.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: FELDA agensi kerajaan tidak lagi terlibat dalam bidang processing or that all stuff lah. Semua sudah serah kepada FGV lah.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Sudah lama processing itu dibuat secara syarikat. Cuma FGV itu hanya...

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Dulu syarikat bawah FELDA lah sekarang sudah kira bawah FGV lah.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: FGV. Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Soalan yang kedua, dana yang di kumpul after IPO FELDA dapat lebih kurang RM4 bilion kalau tidak salah. Why utilization of it?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: *IPO itu, yes it's true that we have get about RM6 billion dan kita pulangkan kepada peneroka RM1.68 billion sebagai durian runtuh because they work- last time they are very suffering when into the remote area, so this are the things that we really appreciate that they become united to agree with the IPO's. And then we also give to state government that is really allowed us to develop this game likes Sabah and Pahang. So that is the dividends that we get from the IPO that we have given out to the settlers.*

Of course we also have to look at our financial activity, to finance our activities with the settler's administration. Because we starting 1995 and we did not get any grant from the government.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *I understand. So part of it RM1.68 billion when to the settlers, sebahagian lagi pergi kepada kerajaan negeri yang lain working capital. So the outstanding loan to EPF yang lain belum bayar lagilah.*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Ada jadual pembayaran every year we paid without fail.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So all this detail is it in the FELDA annual report?*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Yes, ada-ada.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *And I can refer that. Thank you.*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Okay, yes, thank you.

Tuan Pengurus: Okey ada apa-apa lagi Jawatankuasa?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini Datuk Faizoull dalam tadi disarankan tadi itu untuk membanyakkan penambahbaikanlah. Jadi apakah FELDA bercadang untuk menujuhkan mungkin satu badan *which is directly under the main board* untuk melihat semua apa-apalah, sebagai penilai *whatever activities even investment which to proceed*, mana tidak dan sebagainya dalam penambahbaikan inilah. Apakah juga ia mungkin menjadi salah satu badan dalam FELDA *because this is all in the family*, kata orang. *Because tadi hendak minimize cost that why it's all in the family* sebagai satu badan yang boleh mengambil tindakan dan sebagainya tentang apa juga di dalam FELDA.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Memang FELDA mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa lembaga yang melihat perkara ini seperti contoh satu Jawatankuasa/Lembaga telah ditubuhkan untuk menilai semua perniagaan-perniagaan yang dibuat oleh FELDA walaupun diluluskan oleh Lembaga. Memang ada jawatankuasa itu ditubuhkan di bawah Lembaga FELDA. Untuk kita memenuhi keperluan perumahan generasi baru di tanah rancangan pun mempunyai satu Lembaga untuk menyelesaikan isu-isu tanah di peringkat negeri dan sebagainya yang ditubuhkan oleh Lembaga FELDA. Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Sorry one last question, minta maaf lupa tanya tadi. Dari segi pemilikan FGV, FELDA ada lebih kurang 35% so merupakan pemegang saham yang paling besar. Dari segi prestasi FGV selepas ia disenaraikan dari segi harga saham memang tidak berapa baiklah. I think from for RM4.55, sekarang hanya RM3.20 something isn't? RM3 something lah. Dari segi keuntungan so-so sahaja, so apakah pandangan daripada FELDA sebagai pemegang saham yang paling besar dalam FGV. Adakah ia memuaskan atau perlu dipertingkatkan lagi?

■1320

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat... [Ketawa] Being a very biggest shareholder, of course I need more income that we can get from the FELDA Global Venture. I mean that is the best answer I can give because we got no control- because they are the business entity that they have to...

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Is it according to your...

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: I think it is just because of the price of the palm oil world market you know, it is fluctuate. At the same time the analyst did not understand what is the- they still connect as what your question just now. They still connects FELDA and the government side and the business side. It is because we have already split that because we know that government cannot play a role of doing business competes with the private sector. That one we had done when we listed FELDA Global Venture. So, this is nothing to do with FELDA. I think analyst in this country have to help FELDA Global Venture as well. It is not...

Encik Mohd Shahrin bin Mohd Ali: They should understand.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: They should understand this kind of activities. We have already stated the...

Tuan Tony Pua Kiam Wee: After two years they still didn't understand.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: I think so.

Tuan Pengerusi: Datuk Faizoull is not involved in FGV.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: No, no. I'm asking as a shareholder- how they see the performance of their stock? I'm not asking the FGV question. I am asking the shareholder.

Tuan Pengerusi: If the managing Director of FGV doesn't perform, then the shareholder should take action to remove him.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Correct. So, I'm asking, whether puas hati atau tidak puas hati dari segi...?

Tuan Pengerusi: That is the only thing that the shareholder can do now.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: The power is with the shareholder. Even though the global- I mean this is just a discussion.

Global plantation, the palm prices did fall down but in term of percentage decline in stock price, FGV out strict everyone else in terms of the percentage decline as the result of the oil palm decline. So, perhaps FELDA kena tekan FGV sikit lagi supaya mereka punya prestasi dapat ditambahbaikkan. Ini wang rakyat Malaysia.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: *Actually that is why tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang saya tanya tadi itu, is there anybody dalam Board maybe now di dalam perubahan ini satu badan yang digeruni yang akan boleh bertindak, satisfied with performance and everything? Yang satu badan overall, whole thing, anything to do with FELDA. Itu yang saya tanya tadi itu.*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Badan yang melihat kepada FGV ini memang tidak ada dalam FELDA. FELDA hanya melihat kepada businesses yang kita buat di FELDA sekarang, yang ada. Manakala yang di luar FELDA itu makna yang macam *FELDA Global Venture is a listed company*. Itu kita banyak tidak boleh mengganggu kerana ia di bawah *Securities Commission*. Nanti banyak kesalahan-kesalahan pula. Sudahlah kesalahan audit ini pun kita tidak terbuat... *[Ketawa]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *As a Director of the company dalam mesyuarat lembaga, I think the issues can be raise so that the pressure can be added for FGV. Saya rasa pemegang saham bagi peneroka pun mereka kecewa. Although they got the IPU at the discount, now the stock price is below their even their discounted price.*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: *Sir, the settlers also is not happy. It is because from 39.97% that we owned the stake in FELDA Global Venture, 20% we given the dividend to the settlers direct. Of course it is matters a lot to them. So, that is why as I said, yes we feel it is hurt when the price goes down but we cannot interfere the business that they do or they do any changes in the kind of strategy. It is all up to the Board Member and the Investment Committee that they have themselves. So, Yang Berhormat, I rasa itu tidak ada kait-mengait dengan FELDA secara direct. Kita memang nak hasil yang besar because kita tidak ada peruntukan lain. We are helping our nation as well.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Datuk jangan salah faham. Saya tidak salahkan FELDA dan pengurusan FGV...

Datuk Haji Falzoull bin Ahmad: Okey, terima kasih... *[Ketawa]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: ...Saya tidak salahkan. Tujuan saya bukan salahkan dalam pengurusan FGV. Saya hanya tanya sebagai pemegang saham, boleh tidak kita bagi pressure lebih? *Although* kita tidak boleh ganggu pengurusan dalam FGV tetapi kita boleh beri tekanan dari segi pemegang saham dan *Board of Directors* dan lain-lain. Itu sahaja.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Kita ada pengurusan FELDA. *I mean we send memo to them asking why we received this much, you know. These are the things that we do. Then, our representative in the Board also- itu sahajalah yang kita boleh buat.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tidak mahu jadi macam dekat Khazanah. MAS berbelas tahun pun asyik rugi-rugi, *last sekali ambil balik. Jadi tidak mahu satu hari nanti FELDA terpaksa ambil balik FGV sebab FGV rugi banyak. Itu dia maksudnya saya rasa... [Ketawa]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Mana tahu apa firasat daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara hendak satu hari nanti, sepuluh tahun akan datang, FGV kembali semula kepada FELDA... *[Ketawa]*

Ada apa soalan lain?

Puan Ong Swee Leng: Tuan Pengerusi, *this regarding to the question from Ahli PAC- how many subsidiary companies that FELDA have? According to the Financial Statement 31 December, they have 17 subsidiaries, two joint ventures and five associates. One of the associate is FGV.*

Tuan Pengerusi: Ada soalan lain? Saya cuma hendak tambah satu benda Datuk. Yang *last* yang bermain dalam pemikiran saya sejak kita mula tadi. Peranan *internal audit* FELDA. Nombor satu, *internal audit* FELDA ini adalah dianggotai oleh *what kind of caliber of people? Professionals, ACCA or CIMA? Professional qualified atau pun just normal accounting graduate?*

Kedua, peranan mereka di HQ bagaimana sekarang ini *reporting line* dia ke mana? Sama ada pergi *board* atau pergi pada Datuk sebagai CEO ataupun peranan mereka yang meluas di subsidiari dan sebagainya sebab ada banyak subsidiari yang anak syarikat FELDA inilah. Satu lagi jumlah anggota *internal audit* itu sendiri FELDA. Terima kasih.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Bilangan- Tuan Pengerusi, memang *reporting* itu *direct to the Board* kepada Tan Sri Dr. Mohd. Irwan, sehingga Tan Sri Dr. Mohd. Irwan meletak jawatan. Maknanya sekarang ini dia *report* kepada Pengarah Kawal Selia FELDA di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Tan Sri Dr. Mohd Irwan letak jawatan?... Pelik juga itu.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Bukan, letak jawatan Ahli Lembaga FELDA sebab dia terlampau sibuk. Dia memohon untuk meletak jawatan sebagai Ahli Lembaga FELDA kerana kesibukan, *too many organization* yang dia kena pegang.

Tuan Pengerusi: Siapa wakil *Ministry of Finance* sekarang dalam itu?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Timbalan dia Datuk Nozirah.

Tuan Pengerusi: Datuk Nozirah

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Datuk Nozirah dan Datuk Dr. Rahamat Bivi...

Tuan Pengerusi: Datuk Dr. Rahamat Bivi ada.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: ...Datuk Dr. Omar. *I think* itu tiga...

Tuan Pengerusi: So, *Audit Committee* is Datuk Dr. Omar.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Datuk Dr. Omar. Sehingga sekarang ini tinggal Datuk Dr. Omar dengan Datuk Nozirah dan Tan Sri Datuk Sri Utama Haji Mohd Isa.

Tuan Pengerusi: Tiga orang yang *Audit Committee*.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Yes.

Tuan Pengerusi: Mereka aktif, mereka bermesyuarat selalulah.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Memang bermesyuaratlah kalau ada isu macam biasalah isu FELDA ini *loan repayment* yang tidak dikutip *on time*. Maklumlah orang kita, FELDA ini bukan macam bank. Kalau dia tidak boleh bayar kita tangguhkan *next month*, *next month* dan seterusnya. So, itulah...

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Tuan Pengerusi fahamlah kan.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Oleh sebab itu saya kata matlamat politik walaupun penting tetapi tidak boleh menjadikan perkara nombor satu. Perkara nombor dua bolehlah untuk sayalah. Ini pandangan saya. Tidak tahuhah pandangan Ahli PAC yang lain. Kalau rakyat yang di luar memikir itu mereka kata semuanya adalah matlamat politik nombor satu, yang lain-lain nombor dua dan nombor tiga. Jadi itu yang tadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara risau sama ada FELDA buat langkah betul tidak untuk menyenaraikan FGV itu. Kalau tidak betul, FELDA kena ambil balik nanti... *[Ketawa]* Jadi soalan saya mengenai keanggotaan *internal audit* itu jumlah pegawainya...

■1330

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Dalam 45 orang Tuan Pengerusi, yang kena *visit all the scheme*, we have 480 scheme including the plantation last time. Now we are focus on 3i7 scheme. Maknanya mencukupilah untuk pasukan-pasukan Audit ini pergi ke rancangan-rancangan menilai balik kerja-kerja sebab yang core business kita dekat rancangan, banyak. Maknanya contohnya macam pinjaman-pinjaman yang membesar rumah, yang perlu dibuat kutipan semula untuk bagi kepada orang yang memerlukan balik. Ini kerja-kerja audit lah. Cara pembayaran penjualan hasil yang dibuat oleh kilang dibantu oleh petugas-petugas kita di rancangan bersama dengan Audit yang kena buat *checking*.

Tuan Pengerusi: Takan tetapi memang mereka mainkan peranan yang meluas ya *Audit*? *Internal audit* dia punya akses tidak boleh *restricted* ya, mana-mana pun?

Datuk Haji Falzoull bin Ahmad: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Di wilayah pun tidak ada *restricted*, di pejabat pun tidak ada *restricted* mereka...

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Yes, all over.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Dia *report* kepada Audit Committee.

Tuan Pengerusi: Tidak, fasal Jabatan Audit walaupun mereka buat Audit tapi mereka pun tidak mampu hendak pergi audit FELDA secara lebih mendalam dan even mereka punya *financial audit* pun Jabatan Audit Negara *outsource* juga kepada *Big Four firm* juga lah. Itu memberikan lebih *comfort* kepada PAC bahawa *financial audit* FELDA ini dibuat oleh *Big Four* punya *firm* lah.

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Buat juga. Kita pun ada *internal audit* dan juga *external auditors*.

Tuan Pengerusi: *External auditors* FELDA sekarang siapa?

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Pricewaterhouse

Tuan Pengerusi: PwC, so, lebih meyakinkan lah. Jadi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara jangan risau sangat lah ya... [Ketawa] Kalau tidak ada soalan lain lagi boleh saya tutup.

Wakil JPA hendak bercakap?...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri.]

Datuk Haji Faizoull bin Ahmad: Sebenarnya FELDA *when we have our human resources the numbers that we have, the main objective that we have to accomplish is give land to the landless*. Sekarang ini apabila kita sudah bertukar daripada- transformation blueprint sudah diluluskan, kita kena berkembang bukan makin menguncup. Walaupun FELDA Global Ventures itu disenaraikan, itu sudah lama sebab ia sudah dilaksanakan secara syarikat. Macam kilang *is not under FELDA*, daripada dulu lagi kita sudah pecahkan, ia diuruskan oleh syarikat.

Jadi kita punya tanggungjawab ini sudah bertambah, yang kita tumpukan adalah *to make FELDA as an economic power house that will generate high income by the year 2020. In between the lines, we have to realize that we are going to have a new growth center in 317 scheme ini, will be a new growth center will it merge*. Kita tidak tahu berapa banyak dan ianya bergantung kepada kedudukan.

Jadi dengan sendirinya jabatan-jabatan tertentu kena diwujudkan seperti contoh Jabatan Perumahan yang kita kena buat perumahan untuk generasi baru dan juga Jabatan Inovasi yang melihat kepada *innovation* yang kita hendak buat *economic activity more active* dalam rancangan FELDA. *It is not easy but we have to get new brain and new blood to do all these kind of jobs*. So, Jabatan Sukan yang merupakan untuk menyatukan masyarakat supaya melalui sukan lah lebih mudah kita membawa anak-anak muda ini memahami, apa erti satu pasukan.

Jadi banyak jabatan yang telah terwujud dan memang tidak berkurang tetapi kita still maintain jumlah yang sedia ada dulu. Kalau dulu FELDA *the numbers of staff is about 6,000 and now is already reduce to 5,000 but we still maintain even though we have new department have already being form*, jadi itulah.

Berkenaan dengan tidak setuju, atau setuju dengan FELDA, itu biasalah manusia ini kan. Akan tetapi *I think, it is not more than 10%, 5% some sort like that. Because kita senang hendak ukur- out of 112,635 hanya 9,000 saja pay sheetnya kosong. Dia tidak jual hasilnya kepada FELDA, itu lah kan tidak sokong lah kan. Jadi 9,000 ingat sudah makin berkurang kan. Kalau dia tidak sokong kita, kita tidak bagi lah that 20%. Dia tidak sokong, kita hendak bagi buat apa. So kalau dia hantar hasil daripada FELDA, bantu FELDA Global Ventures, then kita akan bagilah dividends daripada FELDA Global Ventures, because it's our probative. Jadi itu lah yang kita lihat, tidak ramai yang tidak sokong. Ini masalahnya kurang faham. Kita akan cuba buat case study. Lap FELDA will become a case study in the university level, senang anak-anak muda, anak-anak peneroka yang masuk universiti ini lebih faham lagi, dia lebih lagi terbuka.*

So, apa yang kita buat, *we can compare what is the best about FELDA, what is best about other organization what is other differences*, kita akan buat macam itu. Itu untuk membuatkan generasi baru yang akan ambil alih tanah rancangan ini kelak. Itu saja.

Tuan Pengurus: Terima kasih Datuk. Kadang-kadang kita bagi peluang kepada semua orang walaupun datang daripada kerajaan pun hendak menyuarakan kita pun bagi peluang yang penting penerangan Datuk itu biar jelas. Jadi bila laporan kita dibukukan, biar semua orang boleh bacalah dan bagi penjelasan yang lebih- kalau tidak nanti dekat pilihan raya kena putar belit saja...
[Ketawa]

Kalau tidak ada soalan, boleh saya tutup Hearing ini dan mengucapkan terima kasih kepada Datuk Haji Faizoull serta pasukan daripada FELDA yang telah memberikan penjelasan mengenai isu yang ditimbulkan dalam laporan Ketua Audit Negara.

Jadi saya ucapkan Terima kasih Datuk. Jawapan tadi jelas tapi laporan kita keluar, ia akan berasas kepada *timing* ketiga itu Datuk. Cuma kita alu-alukan langkah yang Datuk akan ambil untuk hendak memperbetulkan SOP dalaman FELDA itulah untuk mengelakkan daripada perkara-perkara seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara terus berlaku.

Jadi saya mengucapkan terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.38 petang.]

**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**



JABATAN AUDIT NEGARA



MESYUARAT PAC 2014




SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA

1



LATAR BELAKANG



- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah (*Land Development Ordinance*) 1956. Mulai bulan April 2004, FELDA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.
- FELDA menjalankan dan melaksanakan projek pembangunan tanah, pengurusan dan perkhidmatan ekonomi, sosial, pertanian, penempatan serta aktiviti sampingan yang lain di kawasan yang dimiliki oleh FELDA dan syarikat.

JABATAN AUDIT NEGARA

2



VISI DAN MISI



VISI

FELDA sebagai peneraju industri sawit dan warga peneroka berpendapatan tinggi.

MISI

Meningkatkan kesejahteraan hidup warga peneroka FELDA melalui:

- Penghasilan kebun yang tinggi
- Menyediakan kemudahan dan infrastruktur moden
- Meningkatkan potensi dan kualiti modal insan
- Mewujudkan budaya inovasi dan kreativiti
- Mempelbagaikan sumber ekonomi bagi menjana pendapatan tinggi
- Memantapkan pengurusan FELDA bertaraf dunia
- Memupuk budaya kecemerlangan



JABATAN AUDIT NEGARA

3



LEMBAGA PENGARAH



Y.B. TAN SRI DATUK SRI
UTAMA HAJI MOHD. ISA BIN
DATO' HAJI ABDUL SAMAD
Pengerusi FELDA



Y.BHG. DATUK DR. OMAR
BIN SALIM
Ketua Unit Kawal Sella FELDA
Jabatan Perdana Menteri



Y.BHG. DATUK HAJI
FAIZOULL BIN AHMAD
Pengarah Besar FELDA



Y. BHG. DATUK NOZIRAH BAHARI
(Ahli Ganti kepada Y. Bhg. Tan Sri Dr.
Mohd Irwan Serigar Abdullah Ketua
Seliausaha Perbendaharaan Kementerian
Kewangan Malaysia)
Timbalan Ketua Seliausaha
Perbendaharaan (Pengurusan)



ENCIK SAMSUDIN BIN
OTHMAN
Naib Pengerusi Gabungan
JKKR Johor Bahru
(Ketua Peneroka)



Y.BHG. DATUK DR.RAHAMAT
BIVI BINTI YUSOFF
Ketua Pengarah Unit
Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

JABATAN AUDIT NEGARA

4



LEMBAGA PENGARAH



Y.B DATUK MOHD. SUHAILI
BIN SAID
Pengerusi Majlis Ugama Islam
Negeri Sabah



Y.B. DATO' MOHD. KHUSAIRI
BIN HAJI ABDUL TALIB
Ahli Dewan Undangan Negeri
Perak Kawasan Slim



Y.B DATUK NOOR
EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID
Ahli Parlimen Kota Tinggi



Y.BHG. DATO' MOHD ISA BIN ABU
KASIM
Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor
Kawasan Batang Kali



Y.B. DATO' ABU BAKAR BIN
HAJI HARUN
Pengerusi Jawatankuasa Hal
Ehwal Felda Negeri Pahang

JABATAN AUDIT NEGARA

5



PENGARAH BESAR




Y. BHG. DATUK HAJI FAIZOULL BIN
AHMAD
2012 Sehingga sekarang



DATO' DZULKIFLI ABD.WAHAB
Mula Berkhidmat: 24.09.2009
Tamat Perkhidmatan: 30.11.2012




DATO' AHMAD TARMIZI ALIAS
Mula Berkhidmat: 01.01.2007
Tamat Perkhidmatan: 26.09.2009



JABATAN AUDIT NEGARA

6



JENIS PENG AUDITAN

3 Jenis pengauditan yang dijalankan di FELDA

- **Pengauditan Penyata Kewangan**
- **Pengauditan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti**
- **Pengauditan Prestasi Pengurusan Perolehan**

JABATAN AUDIT NEGARA

8



JENIS PENG AUDITAN



PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN



JABATAN AUDIT NEGARA




9



PENYATA KEWANGAN



TAHUN KEWANGAN	JENIS SIJIL
2009	Tanpa Teguran
2010	Tanpa Teguran
2011	Tanpa Teguran
2012	Tanpa Teguran
2013	Tanpa Teguran



JABATAN AUDIT NEGARA

10



JENIS PENG AUDITAN




PENG AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI

JABATAN AUDIT NEGARA

11



INDEKS AKAUNTABILITI



Pengauditan Pengurusan Kewangan
akan dilaksanakan selepas 3 tahun
berikutnya iaitu pada tahun 2015

JABATAN AUDIT NEGARA

12



JENIS PENG AUDITAN



PENG AUDITAN PRESTASI PENGURUSAN PEROLEHAN

JABATAN AUDIT NEGARA

13



OBJEKTIF DAN SKOP



OBJEKTIF

Menilai sama ada pengurusan perolehan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif yang ditetapkan

SKOP

Meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan di Ibu Pejabat FELDA bagi tahun 2010 hingga 2012

JABATAN AUDIT NEGARA

14



PRESTASI KEWANGAN



JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
2010	330,257,948	302,721,443
2011	253,331,026	193,890,547
2012	622,025,762	477,882,269
JUMLAH	1,205,614,736	974,494,259

JABATAN AUDIT NEGARA

15



PENEMUAN AUDIT



Secara keseluruhannya pengurusan perolehan di FELDA adalah kurang memuaskan. Beberapa kelemahan yang perlu ditambahbaik adalah seperti berikut:

- Perolehan Tanpa Kelulusan Jawatankuasa
- Perolehan Yang Di Pecah Kecil
- Kelemahan Dalam Pengurusan Kontrak
- Kelemahan Pelaksanaan Program Bancian Warga Peneroka FELDA

JABATAN AUDIT NEGARA

16



ISU 1 : PEROLEHAN TANPA KELULUSAN JAWATANKUASA



ISU

- Sebanyak 160 perolehan bernilai RM3.60 juta bagi 3 Jabatan dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender.
- Perolehan telah dibuat secara terus oleh jabatan terlibat dan diluluskan oleh Pengarah Jabatan tersebut.

JABATAN	BILANGAN PEROLEHAN	JUMLAH (RM)
Inovasi Dan Pembangunan Generasi Baru	90	2.99
Pembangunan Usahawan	60	0.50
Sumber Manusia	10	0.11
JUMLAH KESELURUHAN	160	3.60

JABATAN AUDIT NEGARA

17



ISU 1 : PEROLEHAN TANPA KELULUSAN JAWATANKUASA (samb.)



MAKLUMBALAS

- FELDA memaklumkan semua bayaran yang dibuat telah mendapat persetujuan pengurusan tertinggi. Walau bagaimanapun, Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru, Jabatan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Sumber Manusia telah melaksanakan urusan perolehan tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender yang telah ditubuhkan disebabkan jabatan tersebut dalam proses transformasi dan perubahan carta organisasi serta Pengarah dan kakitangan baru yang dilantik kurang memahami proses dan peraturan perolehan. Perolehan bagi jabatan tersebut dijalankan supaya tidak mengganggu bantuan yang disalurkan kepada generasi baru FELDA.
- Adalah menjadi amalan FELDA bagi bayaran yang melibatkan anak syarikat dan pengusaha FELDA, perolehan tidak dibuat melalui jawatankuasa selaras dengan komitmen FELDA membantu semua anak syarikat dan pengusaha FELDA.

JABATAN AUDIT NEGARA

18



ISU 2 : PEROLEHAN YANG DIPECAH KECIL



ISU

- Program Sambutan Hari Peneroka 2011 di Jengka, Pahang berjumlah RM1.85 juta tidak dibuat melalui Jawatankuasa Tender Lembaga. Perolehan ini telah dipecah kecil kepada 2 kontrak masing-masing bernilai RM0.99 juta dan RM0.86 juta serta diluluskan oleh Jawatankuasa Tender 1. Perolehan ini jika tidak dipecah kecil, perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Tender Lembaga yang diigerusi oleh Pengurus FELDA.
- Pada tahun 2011, Kerja hiasan dalaman Fasa 1 Menara FELDA bernilai RM3.65 juta telah dipecah kecil kepada 5 pakej berasingan dengan nombor kontrak yang berbeza dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tender 1 dan bukannya Jawatankuasa Tender Lembaga yang sepatutnya. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JABATAN AUDIT NEGARA

19



ISU 2 : PEROLEHAN YANG DIPECAH KECIL (Samb.)



ISU

PEROLEHAN KERJA HIASAN DALAMAN MENARA FELDA

TARIKH	NOMBOR KONTRAK	PERKARA	JUMLAH (RM-Juta)
12.08.2011	100041159	Hiasan Dalaman Menara FELDA - Paket 1A - Kemasan tandas di basement 2.	0.75
12.08.2011	100041162	Hiasan Dalaman Menara FELDA - Paket 1B - Kemasan tandas di tingkat 10, 11, 49, 50 dan lobby floor stainless steel inlay strips.	0.94
12.08.2011	100041163	Hiasan Dalaman Menara FELDA - Paket 1C - Laluan ke tingkat 10 dan 11 serta laluan baru di tingkat 10 dan 11.	0.60
12.08.2011	100041164	Hiasan Dalaman Menara FELDA - Paket 1D - Laluan baru di tingkat 49 dan 50.	0.83
12.08.2011	100041165	Hiasan Dalaman Menara FELDA - Paket 1E - Kerja mechanical and electrical dan fire compartmentation works.	0.53
JUMLAH			3.66

JABATAN AUDIT NEGARA

20



ISU 2 : PEROLEHAN YANG DIPECAH KECIL (samb.)



MAKLUMBALAS

- Sambutan Hari Peneroka 2011 adalah acara tahunan yang diadakan pada 7 Julai 2011 dan menghadapi masa yang singkat untuk persediaan disebabkan perlu menunggu pengesahan tarikh dari Jabatan Perdana Menteri dan ia tidak dapat dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) pada masa yang sepatutnya. Oleh itu, beberapa kerja perolehan perlu dipecahkan untuk memastikan segala keperluan dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan.
- Kerja hiasan dalaman Fasa 1 Menara FELDA terpaksa dipecahkan kepada 5 pakej disebabkan keperluan untuk menyiapkan kerja sebelum Sambutan Hari Peneroka 2012 dan Majlis Perasmian Menara FELDA. Walaupun kontraktor yang sama dilantik untuk melaksanakan kelima-lima pakej tersebut, pengurusan FELDA merasakan ianya perlu dibuat sedemikian bagi memudahkan pemantauan kerja dilakukan, tempoh masa penyiapan kerja mengikut pakej dapat disingkatkan dan mempercepatkan proses bayaran. Pelantikan kontraktor ini juga dapat menjimatkan masa penilaian tender dan meminimumkan masalah yang akan timbul semasa kerja-kerja ini dilaksanakan dan memandangkan bangunan ini masih di bawah tempoh tanggung cacat kerja.

JABATAN AUDIT NEGARA

21



ISU 3 : KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KONTRAK



ISU

3.1 Kontrak Tidak Disediakan

56 perolehan bernilai RM183.13 juta tiada bukti kontrak disediakan. Sebanyak 53 daripada perolehan tersebut yang berjumlah RM165.65 juta telah dibayar tanpa perjanjian manakala 3 perolehan bagi tahun 2012 berjumlah RM17.48 juta masih belum dibayar. 23 atau 43.4% daripada 53 perolehan berjumlah RM19.93 juta tidak mempunyai Surat Setuju Terima (SST) dan dibayar berdasarkan pesanan pembelian sahaja. Manakala 30 atau 56.6% perolehan berjumlah RM145.72 juta dibayar mempunyai SST dan pesanan pembelian.

PEROLEHAN TANPA DOKUMEN KONTRAK

TAHUN	BILANGAN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM Juta)
2010	11	16.38
2011	19	70.93
2012	26	95.82
JUMLAH	56	183.13

JABATAN AUDIT NEGARA

22



ISU 3 : KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KONTRAK (samb.)



MAKLUMBALAS

- FELDA berpendapat dalam urusan kontrak, adalah memadai hanya Surat Perintah Kerja (SPK) atau Borang Pesanan (PO) dikeluarkan dengan syarat ianya mempunyai tandatangan kedua-dua pihak (FELDA dan Pemborong/Kontraktor). Pihak "Legal" FELDA juga mengesahkan bahawa SPK adalah perjanjian yang mengikat kedua pihak yang menandatangannya serta melindungi FELDA jika berlaku sebarang perlanggaran syarat.

JABATAN AUDIT NEGARA

23



ISU 3 : KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KONTRAK (samb.)



ISU

3.2 Kontrak Belum Ditandatangani

2 kontrak bagi perolehan bernilai RM60.68 juta belum ditandatangani walaupun sudah melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan dan sejumlah RM37.37 juta telah dibayar sehingga bulan Mac 2014.

NAMA PEMBEKAI	PERKARA	JUMLAH (RM)	TARIKH SST DIKELUARKAN	TARIKH AKHIR SEPATUTNYA KONTRAK DITANDATANGANI
Atlanta Resources Sdn. Bhd.	Cadangan kerja hiasan dalaman di Menara Felda fasa 2	29,147,077	04.05.2012	04.09.2012
Canggih Kilat Sdn. Bhd.	Cadangan kerja hiasan dalaman di Menara Felda fasa 3	22,525,000	04.05.2012	04.09.2012

JABATAN AUDIT NEGARA

24



ISU 3 : KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KONTRAK (samb.)



MAKLUMBALAS

- Perjanjian kontrak dengan **Atlanta Resources Sdn. Bhd.** tidak ditandatangani disebabkan konsultan hiasan dalaman iaitu RSP Architects Sdn. Bhd. (RSP) yang menyediakan perjanjian tersebut telah menarik diri sebagai juru perunding untuk kerja-kerja Fasa 2 pada 31 Julai 2012 sebelum tarikh akhir perjanjian kontrak perlu ditandatangani iaitu 4 September 2012. Penarikan diri pihak RSP ini adalah disebabkan oleh percanggahan reka bentuk. Bagaimanapun, dokumen kontrak di antara FELDA dan Atlanta Resources Sdn. Bhd telah dihantar kepada pihak kontraktor untuk ditandatangani. Dokumen kontrak ini dijangka selesai ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada bulan Mei 2014.
- Perjanjian kontrak dengan **Canggih Kilat Sdn. Bhd.** pula tidak ditandatangani disebabkan terdapat perubahan reka bentuk dan arahan penangguhan kerja sedangkan perjanjian kontrak yang disediakan oleh pihak RSP adalah merangkumi reka bentuk asal. Penangguhan ini berterusan sehingga penamatkan RSP sebagai konsultan hiasan dalaman Menara FELDA dibuat pada 27 November 2012. Disebabkan terdapat percanggahan kontrak di antara FELDA dan kontraktor, pihak kontraktor telah mengambil tindakan undang-undang terhadap FELDA untuk menuntut ganti rugi. Pihak peguam yang mewakili FELDA telah menasihatkan agar Dokumen Kontrak tidak ditandatangani memandangkan ianya masih dalam prosiding mahkamah.

JABATAN AUDIT NEGARA

25



ISU 4 : KELEMAHAN PELAKSANAAN PROGRAM BANCIAN WARGA PENEROKA FELDA



ISU

- 4.1 Bancian telah dilaksanakan bermula bulan Julai 2011 tanpa lantikan konsultan. Bancian juga dibuat tanpa pemantauan dan seliaan yang sewajarnya menyebabkan borang bancian tidak diisi dengan lengkap dan data bancian tidak dapat digunakan.
- 4.2 Pembayaran kepada petugas bancian dan pemasuk data berjumlah RM0.71 juta telah dibuat tanpa sebarang dokumen sokongan seperti laporan pemantauan dan pengesahan kerja. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan dokumen bancian telah diluluskan oleh Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru sebelum bayaran dibuat.
- 4.3 FELDA telah menamatkan segala aktiviti bancian dan proses memasukkan maklumat warga peneroka yang dijalankan oleh MBFM pada 8 Oktober 2012. Bancian pertama kurang berkesan menyebabkan FELDA perlu menjalankan bancian kedua dengan menggunakan khidmat kakitangan FELDA di pejabat rancangan/wilayah melibatkan kos berjumlah RM1.02 juta. Sehingga tarikh pengauditan pada 8 Mac 2013, bancian semula yang dijangka siap pada bulan Disember 2012 masih belum selesai.

JABATAN AUDIT NEGARA

26



ISU 4 : KELEMAHAN PELAKSANAAN PROGRAM BANCIAN WARGA PENEROKA FELDA (samb.)



MAKLUMBALAS


- FELDA memaklumkan konsultan tidak dilantik kerana FELDA merasakan PERSADA dan MBFM mampu untuk menjalankan bancian tersebut kerana ahli-ahlinya terdiri daripada warga generasi baru FELDA yang bermastautin atau tinggal di tanah rancangan serta berpendidikan tinggi yang diketuai oleh Presiden MBFM. Selain itu, Jawatankuasa untuk memantau dan menyelia Program Bancian Warga Peneroka FELDA telah ditubuhkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga FELDA Bil. 280 pada 31 Januari 2012.
- Sejumlah RM0.71 juta merupakan rumusan Pindahan bajet dari Jabatan Inovasi kepada Wilayah / Rancangan dan bukan rumusan perbelanjaan mengikut Wilayah.
- Berdasarkan hasil bancian pertama yang diterima, FELDA mendapati masih banyak maklumat yang diterima belum lengkap dan tidak tepat. Adalah menjadi satu keperluan kepada FELDA untuk membuat Bancian Kemaskini untuk mendapatkan maklumat sebenar di samping mengesahkan maklumat bancian pertama yang telah dijalankan. Oleh yang demikian tiada timbul soal Banci Kedua yang melibatkan pembaziran wang. Pembayaran sebenar dilaksanakan di peringkat Wilayah / Rancangan dan segala dokumen sokongan disimpan di peringkat Wilayah / Rancangan. Pembayaran sebenar yang telah dibuat sehingga kini adalah hanya sejumlah RM1.87 juta.

JABATAN AUDIT NEGARA

27



**SEKIAN
TERIMA KASIH**



JABATAN AUDIT NEGARA

28

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

16 Oktober 2014



Isu-isu yang
dibangkitkan
&
Status
terkini
tindakan



KRONOLOGI PERISTIWA

TARIKH	PERISTIWA
Dis 2012 – Feb 2013	Pengauditan dijalankan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) untuk transaksi tahun 2010 hingga 2012
24 Disember 2013	Laporan Audit dikeluarkan oleh JAN kepada FELDA – 9 isu
13 Februari 2014	Perjumpaan dengan JAN & mendapat Laporan baru – 6 isu
25 April 2014	Mesy. Jawatankuasa Audit JPM Bil. 3/2014 dipengerusikan oleh TKSUK dihadiri oleh Pengarah Besar
4 Jun 2014	Sesi Jawatankuasa Siasatan Khas (JSK) JPM dengan FELDA
21 Julai 2014	Mesyuarat Lembaga Felda Bil. 318 – Felda dibenar membuat penawaran tender secara rundingan terus kepada anak syarikat



KRONOLOGI PERISTIWA

TARIKH	PERISTIWA
25 Julai 2014	JPM mengemukakan surat kepada Pengerusi FELDA memaklumkan supaya mempertimbangkan dan melaksanakan urusan tatatertib kepada pegawai yang terlibat di dalam LKAN
14 Ogos 2014	Maklumbalas status <i>dashboard</i> diberikan kepada JAN
2 September 2014	Penentuan Kes kepada pegawai terlibat
4 September 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tatatertib (JTT)
24 September 2014	Draf Minit Mesyuarat JTT dan surat pertuduhan dikemukakan kepada Pejabat Pengerusi untuk kelulusan
16 Oktober 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira (PAC)
20 Oktober 2014	Mesyuarat Lembaga Felda akan membentangkan Manual Kontrak Felda yang telah dikemaskini untuk kelulusan



RUMUSAN AUDIT PEROLEHAN – 6 ISU

ISU	PENEMUAN YANG DIBANGKITKAN	29/4/2014	14/8/2014
1	160 Perolehan bernilai RM3.6 juta dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender		
2	Perolehan bagi program Sambutan Hari Peneroka 2011 berjumlah RM1.85 juta dipecah kecil		
3	Perolehan kerja hiasan dalaman Menara Felda berjumlah RM3.65 juta dipecah kecil		
4	56 perolehan berjumlah RM183.13 juta tidak disediakan dokumen kontrak		
5	2 kontrak bernilai RM60.68 juta belum ditandatangani		
6	Pelaksanaan Program Bancian Peneroka Felda Kurang Memuaskan		

#1 Penemuan - Perenggan 6.4.2.2 :



Sebanyak 160 perolehan bernilai RM3.60 juta dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender. Perolehan ini telah dibuat secara terus oleh jabatan yang terlibat dan diluluskan oleh Pengarah Jabatan tersebut.

Status – 29/4/2014 :

- » Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru, Jabatan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Sumber Manusia telah melaksanakan urusan perolehan tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender yang telah ditubuhkan disebabkan jabatan tersebut dalam proses transformasi dan perubahan carta organisasi serta Pengarah dan kakitangan baru yang dilantik kurang memahami proses dan peraturan perolehan.

- » Adalah menjadi amalan FELDA bagi bayaran yang melibatkan anak syarikat dan pengusaha FELDA, perolehan tidak dibuat melalui jawatankuasa selaras dengan komitmen FELDA membantu semua anak syarikat dan pengusaha FELDA. FELDA dalam proses menyelesaikan proses penstrukturkan semula anak syarikat dan pengusaha FELDA. Kertas cadangan untuk melaksanakan kerja perolehan secara rundingan terus akan dibentangkan ke Mesyuarat Lembaga dan pekeliling akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan Lembaga berkenaan penstrukturkan semula.



#1 Penemuan - Perenggan 6.4.2.2 :



Sebanyak 160 perolehan bernilai RM3.60 juta dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender. Perolehan ini telah dibuat secara terus oleh Jabatan yang terlibat dan diluluskan oleh Pengarah Jabatan tersebut.

Status - 14/08/2014 :

- » Setakat 14 Ogos 2014, Lembaga Felda pada 21 Julai 2014 telah meluluskan Felda untuk dibenarkan membuat penawaran tender secara rundingan terus kepada anak syarikat Felda berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.1 Tahun 2011.
- » Felda dalam proses penambahbaikan prosedur kontrak & kewangan. Kertas cadangan untuk melaksanakan kerja perolehan akan dibentangkan ke Mesyuarat Lembaga Felda dan pekeliling dikeluarkan setelah mendapat kelulusan Lembaga untuk membuat perubahan berdasarkan keperluan semasa. Sehingga kini manual kontrak yang disediakan dalam proses semakan terakhir oleh pihak Pengurusan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga pada bulan September 2014.

#1 Penemuan - Perenggan 6.4.2.2 :




Sebanyak 160 perolehan bernilai RM3.60 juta dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender. Perolehan ini telah dibuat secara terus oleh Jabatan yang terlibat dan diluluskan oleh Pengarah Jabatan tersebut.

Status - 16/10/2014

Tindakan lain yang telah diambil:

- » Mengedarkan Surat Peringatan berkaitan Perolehan Tanpa Kelulusan Jawatankuasa Tender
- » Menguatkuasakan kawalan semakan dokumen yang lebih ketat bagi memastikan perolehan dan bayaran mengikut peraturan yang ditetapkan
- » Telah mengemaskini Manual Kontrak dan akan dibentangkan kepada Lembaga FELDA untuk kelulusan pada 20 Oktober 2014



160 Perolehan

#2 Penemuan - Perenggan 6.4.3.2 :



Perolehan berjumlah RM1.85 juta bagi Sambutan Hari Peneroka pada tahun 2011 dipecah kecil untuk mengelakkan urusan tender.

Status – 29/4/2014 :

- » Sambutan Hari Peneroka 2011 adalah acara tahunan yang penting untuk FELDA yang diadakan pada 7 Julai 2011. Acara tersebut kebiasaannya menghadapi masa yang singkat untuk persediaan disebabkan perlu menunggu pengesahan tarikh dan tempat. Kebiasaan, kerja-kerja yang dilaksanakan perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK), tetapi pada masa perancangan dan persiapan dilakukan, mesyuarat JKK tidak bersidang dan hanya diadakan pada 25 Julai 2011. Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit FELDA pada 29 April 2014 dan keputusan perbincangan untuk perkara ini akan diangkat ke Mesyuarat Lembaga FELDA yang akan datang.



#2 Penemuan - Perenggan 6.4.3.2 :



Perolehan berjumlah RM1.85 juta bagi Sambutan Hari Peneroka pada tahun 2011 dipecah kecil untuk mengelakkan urusan tender.

Status - 14/08/2014 :

- » Pengurusan perolehan Felda telah dibentangkan untuk makluman kepada Mesyuarat Lembaga pada 21 Julai 2014 dan telah dipersetujui supaya mendapatkan maklum balas daripada Jawatankuasa Siasatan Khas LKAN Siri 2/2013, JPM sekiranya perlu.

Status - 16/10/2014 :

25 Julai 2014	JPM mengemukakan surat kepada Pengurus FELDA memaklumkan supaya mempertimbangkan dan melaksanakan urusan tatatertib kepada pegawai yang terlibat di dalam LKAN
2 September 2014	Penentuan Kes kepada pegawai terlibat
4 September 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tatatertib (JTT)
24 September 2014	Draf Minit Mesyuarat JTT dan surat pertuduhan dikemukakan kepada Pejabat Pengurus untuk kelulusan



#3 Penemuan - Perenggan 6.4.3.3 :



Perolehan berjumlah RM3.65 juta bagi kerja hiasan dalaman Menara FELDA pada tahun 2011 dipecah kecil untuk mengelakkan urusan tender.

Status – 29/4/2014 :

- » Kerja-kerja hiasan dalaman Fasa 1 terpaksa dipecahkan kepada 5 pakej disebabkan keperluan untuk menyiapkan kerja sebelum Sambutan Hari Peneroka 2012 dan Majlis Perasmian Menara FELDA.



#3 Penemuan - Perenggan 6.4.3.3 :



Perolehan berjumlah RM3.65 juta bagi kerja hiasan dalaman Menara FELDA pada tahun 2011 dipecah kecil untuk mengelakkan urusan tender.

Status - 14/08/2014 :

- » Pengurusan perolehan Felda telah dibentangkan untuk makluman kepada Mesyuarat Lembaga pada 21 Julai 2014 dan telah dipersetujui supaya mendapatkan maklum balas daripada Jawatankuasa Siasatan Khas LKAN Siri 2/2013, JPM sekiranya perlu.

Status - 16/10/2014 :

25 Julai 2014	JPM mengemukakan surat kepada Pengerusi FELDA memaklumkan supaya mempertimbangkan dan melaksanakan urusan tatatertib kepada pegawai yang terlibat di dalam LKAN
2 September 2014	Penentuan Kes kepada pegawai terlibat
4 September 2014	Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tatatertib (JTT)
24 September 2014	Draf Minit Mesyuarat JTT dan surat pertuduhan dikemukakan kepada Pejabat Pengerusi untuk kelulusan



#4 Penemuan - Perenggan 6.4.4.1 :



Kelemahan dalam pengurusan kontrak iaitu dokumen kontrak tidak disediakan bagi 56 perolehan berjumlah RM183.13 juta.

Status – 29/4/2014 :

- » FELDA berpendapat dalam urusan kontrak, adalah memadai hanya Surat Perintah Kerja (SPK) atau Borang Pesanan (PO) dikeluarkan dengan syarat ia mempunyai tandatangan kedua-dua pihak (FELDA dan Pemborong/Kontraktor). Mulai Jun 2014, FELDA akan mengeluarkan peringatan kepada semua Jabatan supaya semua perolehan mempunyai Dokumen Perjanjian yang lengkap.



#4 Penemuan - Perenggan 6.4.4.1 :



Kelemahan dalam pengurusan kontrak iaitu dokumen kontrak tidak disediakan bagi 56 perolehan berjumlah RM183.13 juta.

Status - 14/08/2014 :

- » Jabatan Undang-undang Felda mengesahkan bahawa Surat Perintah Kerja (SPK) adalah perjanjian yang mengikat kedua pihak yang menandatanganinya serta melindungi Felda jika berlaku sebarang perlanggaran syarat.
- » Amalan ini telah lama dilaksanakan oleh Felda untuk menjimatkan kos guaman. Felda sedang menyemak jenis dan nilai kontrak yang perlu disediakan perjanjian tambahan selain dokumen SPK. Semakan ini akan dimasukkan dalam manual kontrak yang sedang disediakan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga bulan September. Manual kontrak tersebut akan meliputi aspek penyediaan dokumen kontrak yang lengkap.



#4 Penemuan - Perenggan 6.4.4.1 :




Kelemahan dalam pengurusan kontrak iaitu dokumen kontrak tidak disediakan bagi 56 perolehan berjumlah RM183.13 juta.

Status - 16/10/2014 :

Dokumen kontrak yang dimaksudkan adalah dokumen perjanjian tambahan yang perlu disediakan untuk memperincikan spesifikasi kerja/bekalan.

Adalah memadai dengan hanya mempunyai **Surat Perintah Kerja & Surat Setuju Terima** (dokumen ini diterima sebagai bukti mahkamah dan disahkan oleh pegawai undang-undang FELDA)

FELDA telah mengemaskini Manual Kontrak dan akan dibentangkan kepada Lembaga FELDA untuk kelulusan pada 20 Oktober 2014



Contoh Surat Perintah Kerja (SPK)



FELDA

WISMA FELDA, JALAN PERUMAHAN GURNEY,
54000 KUALA LUMPUR, MALAYSIA
TEL: 03-26172617 FAX: 03-2692

(54)

KONTRAK

No surat / 1

Kepada	UTAMA MEDIA SALES SDN BHD 11, ONE RIGHT ANGLE JALAN 14/32 46100 PETALING JAYA Selangor Malaysia	No Kontrak	:100081745
Kod Pembekal	: 6002513	Tarikh Kontrak	:27.09.2012
Tahun Fiskal	: 2012	Tinjauan Kepada	:Felda Ibu Pejabat
Nilai Kontrak	: RM 6,307,029.60	Terikh Muat	: Nama Felda Jln Perumahan Gurney
		Terikh Tamat	:01.01.2012
			:31.12.2012

Kontrak Bisipen Khas 'Aspirasi Global Felda' dan Kep Makan Tambahan dan Kep Penghantaran tahun 2012 seperti surat bil. [122]1131/7-1
Nilai Kontrak : RM6,307,029.60
Tarikh Muat : 01.01.2012
Tarikh Tamat : 31.12.2012
St Deposit Jaminan : RM315,351.00
Pegawai Pengguna : Penguruh Jab. Pdabangunan Komuniti & Koordinasi

Bil	Kod Item	Butir-butir Item	Kuantiti	Harga Seunit	Unitukuran	Jumlah Harga
00010		Bisipen Khas Aspirasi Global Felda	1	Rm 6,307,029.60 per 1	Lumpsum	6,307,029.60

LAIN-LAIN CATIHAM:

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

Jumlah Seset Rm 6,307,029
Diluluskan oleh:

Fazlina Ahmad

SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan: (1) 1400/05/3/1/9

Tarikh: 27 September 2012

Kepada : Utusan Media & Sales Sdn Bhd
 11, The Right Angle
 46100 Petaling Jaya
 Selangor Darul Ehsan

Tuan,

Tender Untuk : Pelantikan Sebagai Pembekal Sisiran Khas 'Aspirasi Global Felda Dan Kos Pengangkutan Selama 1 Tahun

Projek : Jabatan Pembangunan Komuniti & Koordinasi

No. Kontrak : 100051745

Dengan ini adalah diberitahu bahawa kontak tuan seperti tersebut di atas berharga Ringgit Malaysia **Enam Juta Tiga Ratus Tujuh Ribu Dua Puluh Sembilan Dan Sen Enam Puluh Sahaja** iaitu **RM6,307,029.60** telah dipersetujui, terakluk kepada had, syarat dan perjanjian dalam Dokumen Tender yang menjadi dasar tender ini dan juga kepada surat ini.

2. Tuan akan dikehendaki melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. Bagaimanapun, sehingga larangan Perjanjian Kontrak yang formal itu dilaksanakan, tender tuan berserta Surat Setuju Terima Tender ini akan menjadi kontak yang sah mengikat di antara tuan dan FELDA.

3. Tuan dikehendaki menyatakan pilihan kaedah Bon Pelaksanaan sama ada dalam bentuk;

- (i) Jaminan Bank
- (ii) Bank Draft

Sila kemukakan Deposit Jaminan sebanyak **RM315,351.00** sebelum/pada **11 Oktober 2012** dalam bentuk Bank Draft/Jaminan Bank seperti borang di lampirin. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak-kehendak para 3 ini dalam tempoh masa yang dinyatakan, kecuali jika diabalkan dengan nyata oleh FELDA, akan menyebabkan penerimaan ini terbatas dan selepas itu FELDA tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada tuan.

Surat Setuju Terima yang disediakan bersama SPK

4. Tarikh permulaan pelaksanaan yang disebutkan dalam syarat-syarat kontak adalah pada 01 Januari 2012 tetapi tidak betulan atau perihalnya dibawakan kontak ini boleh dimulakan ketika dan sehingga wan selah mematuhi perintah para 3 di atas.

Berjaya, terima kasih.

 (PAZUILL AHMAD)
 Pengurusan Besar
 FELDA

Dengan ini yang berlandaung di bawah ni bersolji dengan syarat-syarat di atas dan mungkin penerimaan surat di atas dari sifatnya belum ditutupan

Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh:
 disertai dengan sempurna
 untuk menandatangani untuk
 dan bagi pihak

Tandatangan Saksi

Nama Penuh:
 Nama Jawatan:
 Alamat:
 Pegawai Setia
 Jabatan Persebahan
 FELDA

Tarikh: 27/9/2012

Tarikh: 27/9/2012

#5 Penemuan - Perenggan 6.4.4.2 :



Kelemahan dalam pengurusan kontrak iaitu 2 kontrak bernilai RM60.68 juta belum ditandatangani.

Status – 29/4/2014 :

FELDA memaklumkan dokumen kontrak bernilai RM38.15 juta telah dihantar kepada pihak kontraktor untuk ditandatangani dan dijangka selesai ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada bulan Mei 2014. Terdapat percanggahan kontrak antara FELDA dan kontraktor bagi kontrak bernilai RM22.53 juta menyebabkan pihak kontraktor telah mengambil tindakan undang-undang terhadap FELDA untuk menuntut ganti rugi. Pihak peguam yang mewakili FELDA telah menasihatkan agar dokumen kontrak tidak ditandatangani memandangkan ianya masih dalam prosiding mahkamah.



#6 Penemuan - Perenggan 6.4.5 :



Tiada pemantauan dan penyeliaan terhadap Program Bancian Warga Peneroka menyebabkan FELDA terpaksa menjalankan bancian semula pada tahun 2012 melibatkan kos sejumlah RM1.02 juta. Bayaran sejumlah RM0.74 juta bagi bancian pertama yang dijalankan pada Julai 2011 telah dibuat tanpa sebarang dokumen sokongan seperti laporan pemantauan dan pengesahan kerja. Sehingga tarikh pengauditan pada 8 Mac 2013, bancian semula yang dijangka siap pada bulan Disember 2012 masih belum selesai.

Status – 29/4/2014 :

- » FELDA memaklumkan konsultan tidak dilantik kerana FELDA merasakan PERSADA dan MBFM mampu untuk menjalankan bancian tersebut. Berdasarkan hasil bancian pertama, FELDA mendapati masih banyak maklumat yang diterima belum lengkap dan tidak tepat. Oleh itu FELDA membuat Bancian Kemas kini untuk mendapatkan maklumat sebenar di samping mengesahkan maklumat bancian pertama yang telah dijalankan.
- » Jawatankuasa untuk memantau dan menyelia Program Bancian Warga Peneroka FELDA telah ditubuhkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 280 pada 31 Januari 2012. Selain itu, pembayaran sebenar dilaksanakan di peringkat Wilayah/Rancangan dan segala dokumen sokongan disimpan di peringkat Wilayah/Rancangan. Pembayaran sebenar yang telah dibuat sehingga kini adalah hanya sejumlah RM1.87 juta daripada bajet asal RM5juta.



#6 Penemuan - Perenggan 6.4.5 :

Tiada pemantauan dan penyeliaan terhadap Program Bancian Warga Peneroka menyebabkan FELDA terpaksa menjalankan bancian semula pada tahun 2012 melibatkan kos sejumlah RM1.02 juta. Bayaran sejumlah RM0.74 juta bagi bancian pertama yang dijalankan pada Julai 2011 telah dibuat tanpa sebarang dokumen sokongan seperti laporan pemantauan dan pengesahan kerja. Sehingga tarikh pengauditan pada 8 Mac 2013, bancian semula yang dijangka siap pada bulan Disember 2012 masih belum selesai.

Status - 14/08/2014 :

- » Program Bancian Warga Peneroka Felda telah selesai pada bulan Mac 2014 dengan proses muat naik data bancian ke dalam Sistem SKB. Data-data tersebut bakal digunakan bagi memperkasakan tadbir urus Pengurusan Felda di semua peringkat melalui integrasi sistem-sistem pengurusan di Felda seperti Sistem Latihan Kemahiran (SILK), Insentif Pelajaran, Pinjaman dan lain-lain.
- » Berdasarkan maklumat bancian yang telah dimuatnaik dalam sistem SKB, maklumat generasi peneroka iaitu anak, cucu, cicit serta menantu mengikut umur, jantina dan bangsa dapat dikeluarkan. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa laporan yang boleh dikeluarkan daripada data bancian seperti Laporan Generasi Baru Jenis OKU serta yang telah meninggal dunia serta direktori generasi baru.

Status - 16/10/2014 :

Isu telah selesai.

